

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

**FAKULTI KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN**

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD

PENULIS :

1. HAMIMDA BINTI AGIL
2. SUFFIAN HADI BIN AYUB
3. WARDATUL HAYAT BINTI ADNAN
4. ABDUL HAMID BIN SAIFUDDIN
5. RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD
6. RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD
7. MOHD YUSOF BIN ZULKEFLI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PERANCANGAN

Kepimpinan tertinggi FKPM mengamalkan konsep Inspire and Motivate Action (IMA) sebagai panduan dalam pentadbiran fakulti melalui teras yang mendokong Nilai i-DART UiTM:

1. Nilai 1 – Ilmu
2. Nilai 2 – Displin
3. Nilai 3 – Amanah
4. Nilai 4 – Rajin
5. Nilai 5 – Tanggungjawab

Kepimpinan Tertinggi FKPM turut mendokong aspirasi UiTM dalam memperkasakan Kerangka SDG dalam kepimpinan dan perancangan FKPM dan juga mensasarkan perancangan fakulti ke arah Global Renowned University (GRU).

PELAKSANAAN

Strategi pelaksanaan yang diamalkan oleh Pengurusan Kanan FKPM adalah berlandaskan:

1. Budaya Perdana UiTM
2. DNA MassComm
3. Komunikasi Digital

PEMANTAUAN

Pemantauan yang dilaksanakan oleh Pengurusan Tertinggi FKPM adalah berdasarkan Inspire and Motivate Action (IMA) dan dilaksanakan melalui strategi berikut:

1. Pelaporan Aktiviti
2. Ketampakan
3. Penganugerahan / Pengiktirafan
4. Paten/Pengkomersilan

Pelaksanaan strategi pemantauan juga termasuk pengurusan risiko berdasarkan konsep Inspire and Motivate Action (IMA) yang diterjemahkan melalui strategi berikut:

1. Jawatankuasa Dalaman
2. Mesyuarat Pemantauan
3. Latihan Sumber Manusia
4. Aprisiasi Warga

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN BERDASARKAN INSPIRE AND MOTIVATE ACTION.

Pengurusan Kanan FKPM sentiasa berusaha meningkatkan dan menambahbaik prestasi hasil daripada aktiviti bidang tumpuan yang telah dipilih berdasarkan strategi berikut:

1. Post Mortem Meeting

2. Mesyuarat WIP

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

INSPIRE AND MOTIVATE ACTION.

FKPM mengamalkan konsep 'Inspire and Motivate Action' (IMA) yang dinamik dan efisien bagi mencapai semua objektif dan perancangan berkaitan dengan pengurusan fakulti termasuk dalam proses pencapaian bidang tumpuan yang memfokuskan kepada Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Sehubungan dengan itu, kepimpinan tertinggi FKPM begitu komited dalam menggalakkan penglibatan warga fakulti dalam apa sahaja bentuk kerjasama dengan pihak luar mahupun dalaman universiti dalam usaha mewujudkan peluang kolaborasi berkaitan dengan bidang tumpuan. Konsep IMA ini diterjemahkan dengan pendekatan nilai i-DART UiTM:

Nilai i-DART

1. Nilai 1 – Ilmu

Bagi melahirkan warga kerja yang kompetitif dan berdaya saing, pengurusan tertinggi FKPM sentiasa menyokong dan mendorong setiap warga untuk reskilling and upskilling. Data di bawah menunjukkan penglibatan staff FKPM di bawah pembangunan dan latihan yang disediakan. Data sumber dari ILD UiTM turut mentafsirkan bahawa pihak kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa menyediakan ruang kepada warga FKPM untuk terus mengambil bahagian dalam pelbagai bentuk latihan dan pembangunan yang disediakan. **(Bukti 1)**

2. Nilai 2 – Displin

Dalam usaha untuk memastikan kesemua warga mematuhi peraturan dalam melaksanakan tugas, Pengurusan kanan FKPM sentiasa memastikan setiap warga mematuhi peraturan sebagai kakitangan awam dan warga UiTM **(Bukti 2)**

3. Nilai 3 – Amanah

Pengurusan Kanan FKPM sentiasa menekankan kepentingan setiap warga untuk melaksanakan tugas dengan jujur berdasarkan kepercayaan yang diberi **(Bukti 2)**

4. Nilai 4 – Rajin

Pengurusan kanan sangat menitikberatkan ketekunan dan ketelitian warga dalam melaksanakan tugas **(Bukti 2)**

5. Nilai 5 – Tanggungjawab

Pengurusan kanan FKPM sangat menitikberatkan agar setiap warga kerjanya bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan mempunyai sifat akauntabiliti atas setiap tindakan yang telah dibuat. **(Bukti 2)**

Globally Renowned Faculty

Konsep IMA ini turut diterjemahkan melalui aspirasi UiTM ke arah Globally Renowned University 2025 (GRU). Ini dapat diterjemahkan melalui:

1. **Kolaborasi FKPM dengan institusi pengajian tinggi luar negara** melalui ikatan MoU dan MoA
2. **Rakan kongsi strategik dengan organisasi antarabangsa**
3. **Mobiliti pelajar**
4. **Akreditasi badan profesional antarabangsa (Bukti 3)**
5. **Pelantikan external examiner (Bukti 4)**

Sustainability in Motion

Pengurusan kanan FKPM sentiasa menyokong dan mendokong aspirasi Sustainable Development Goals (SDG) UiTM. Keadaan ini dapat diterjemahkan berdasarkan keadaan berikut:

1. Kursus yang menyentuh kerangka SDG.

Sebanyak 17 kursus yang ditawarkan program menyentuh beberapa goals SDG dalam pembangunan kurikulum. **(Bukti 5)**

2. Aktiviti yang menyentuh goals SDG

Pengurusan kanan FKPM sangat memberi penekanan kepada aspek-aspek SDG dalam aktiviti anjuran fakulti bagi menyahut seruan UiTM dan KPT **(Bukti di Kriteria 4)**

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_K01_KB02_20221_BUKTI 1.2_DUA.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB02_20222_BUKTI 1.2_TANGGUNGJAWAB SATU.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB02_20223_BUKTI 1.2_BADAN PROFESSIONAL.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB02_20224_BUKTI 1.2_PELANTIKAN BATES.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB02_20225_BUKTI 1.2_KURSUS SDG.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam usaha pihak kepimpinan tertinggi FKPM mengamalkan Konsep 'Inspire and Motivate Action', (IMA), pihak kepimpinan tertinggi FKPM begitu komited dalam menggalakkan penglibatan warga fakulti dalam apa sahaja bentuk kerjasama dengan pihak luar mahupun dalaman universiti dalam usaha mewujudkan peluang kolaborasi berkaitan dengan bidang tumpuan. Konsep IMA ini dapat diterjemahkan kepada 3 budaya:

1. Budaya Perdana UiTM

Delegasi kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa menyahut gagasan budaya PERDANA UiTM dalam proses pengurusan fakulti yang merangkumi (7) prinsip PERDANA (Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah Adil dan Integriti, Nilai Tambah dan Kelainan, Arif dan Berilmu) kerana pihak kepimpinan tertinggi FKPM percaya budaya kerja ini melahirkan warga FKPM yang mempunyai minda kerja kelas pertama. Bagi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan ini, pihak kepimpinan tertinggi FKPM memfokuskan kepada beberapa nilai utama iaitu Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, dan Nilai Tambah dan Kelainan. Sebanyak 6 projek terhasil daripada bidang tumpuan yang dipilih dan setiap projek-projek ini mempunyai nilai-nilai Perdana yang menjadi fokus utama yang meletakkan projek-projek ini di kelas yang tersendiri.

2. Budaya 2 - DNA MassComm

Selain daripada Budaya PERDANA UiTM, Dekan FKPM bersama barisan kepimpinan tertinggi turut bersama-sama memimpin secara teladan dengan menambah usaha dalam mewujudkan budaya DNA Masscomm. Pembentangan idea ini dilakukan ketika sesi Amanat Dekan yang berlangsung setahun sekali dan ketika sesi Taklimat Dekan yang berlaku setiap awal semester. **(Bukti 1)**. DNA Masscomm ini bertindak sebagai panduan supaya warga FKPM mempunyai corak kerja yang sama. Salah satu DNA Masscomm yang disuntik dalam usaha penghasilan projek-projek berbentuk Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan adalah nilai 'Unlock Our Asset and Value'. Dekan FKPM sentiasa melihat aset dan nilai utama FKPM adalah sebagai pakar rujuk utama dalam bidang Komunikasi dan Media. Justeru, projek-projek yang berkaitan dengan bidang tumpuan ini terhasil apabila warga FKPM memilih untuk mengembangkan bakat dan idea berorientasikan kepakaran masing-masing. Penerangan mengenai bidang kepakaran ini akan dihuraikan secara lebih terperinci dalam Kriteria 5 -Tumpuan Sumber Manusia

3. Budaya 3 – Komunikasi Digital

Proses komunikasi dua hala di antara pihak kepimpinan tertinggi FKPM dan warga FKPM tidak hanya terbatas dengan komunikasi fizikal secara mesyuarat dalaman. Seiring dengan dunia teknologi dan komunikasi baru, budaya penggunaan komunikasi digital sebagai platform komunikasi berlaku secara aktif dan formal. Antara medium digital yang terlibat adalah, Whatsapp, Facebook, Instagram dan laman sesawang rasmi FKPM. Kesemua platform digital ini dikelolai oleh pengurus rasmi dibawah tanggungjawab Unit Korporat FKPM bagi mengelakkan sebarang krisis dan percanggahan maklumat. Selain daripada itu FKPM mempunyai siaran radio UFM sendiri yang turut menjadi medium komunikasi dengan warga universiti. Kewujudan MassCTV Channel juga merupakan medium YouTube channel rasmi kepimpinan tertinggi dan warga FKPM dalam berkomunikasi dengan pelanggan. **(Bukti 2)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_K01_KB03_20221_BUKTI_1.3.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB03_20222_BUKTI_1.3_BUKTI_2_KOMUNIKASI DIGITAL.pdf](#)

- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan Berdasarkan Inspire and Motivate Action

Strategi Pengurusan Kanan FKPM untuk mengenalpasti pencapaian bidang tumpuan adalah melalui strategi berikut:

1. Pelaporan aktiviti

Pencapaian setiap aktiviti bidang tumpuan dipantau melalui penyerahan laporan aktiviti yang disediakan setelah tamat aktiviti tersebut. Laporan ini lazimnya mengandungi laporan terperinci tentang perancangan, pelaksanaan serta kebolehan aktiviti dalam mencapai objektif penganjuran. **(Bukti 1)**

2. Ketampakan

Ketampakan aktiviti bidang tumpuan terutama sekali di media merupakan salah satu strategi yang dipraktikkan oleh Pengurusan Kanan FKPM dalam mengenalpasti pencapaian aktiviti yang dijalankan. Pendedahan di media merupakan indikator bahawa program yang dilaksanakan berjaya dilaksanakan dan mendapat tumpuan media. **(Bukti 2)**

3. Penganugerahan/Pengiktirafan

Penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima oleh aktiviti bidang tumpuan merupakan indikator terbesar dalam mengenalpasti pencapaian bidang tumpuan yang telah dipilih **(Bukti 3)**

4. Paten/Pengkomersilan

Hasil yang telah berjaya dipatenkan atau dikomersilkan juga merupakan indikator besar dalam mengenalpasti pencapaian bidang tumpuan. **(Bukti 4)**

Punca kegagalan pula dapat dikenalpasti melalui aspek berikut:

1. Maklumbalas pemegang taruh

Maklumbalas pemegang taruh yang terlibat dalam aktiviti bidang tumpuan dapat membantu Pengurusan Kanan FKPM untuk mengenalpasti punca kegagalan sesuatu aktiviti. **(Bukti 5)**

2. Pelaporan aktiviti

Pelaporan aktiviti bukan hanya dapat membantu Pengurusan Kanan FKPM mengenalpasti pencapaian tetapi turut membantu mengenalpasti punca kegagalan sesuatu aktiviti **(Bukti 1)**

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_K01_KB04_KC01_20221_BUKTI 1.4 LAPORAN AKTIVITI_BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB04_KC01_20222_BUKTI 1.4_KETAMPAKAN MEDIA_BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB04_KC01_20223_BUKTI 1.4_ANUGERAH_BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB04_KC01_20224_BUKTI 1.4 PATEN_BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0029_K01_KB04_KC01_20225_BUKTI 1.4 ADUAN_BUKTI 5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PENGURUSAN RISIKO BERDASARKAN INSPIRE AND MOTIVATE ACTION.

Pengurusan risiko sangat penting dalam penyediaan menghadapi segala krisis dan risiko yang wujud terutama dalam proses pencapaian objektif dan inisiatif strategik FKPM. Kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa memantau, mengambil berat dan komited dalam menyediakan perancangan untuk mencegah segala jangkaan risiko sepanjang projek berlangsung di bawah bidang tumpuan melalui 4 strategi iaitu:

1. Strategi 1 – Jawatankuasa Dalaman

Pembahagian tugas melalui pelantikan Jawatankuasa Dalaman dilihat amat berkesan dalam perancangan sesuatu projek. Kepimpinan tertinggi FKPM bijak menguruskan pembahagian tugas mengikut kekuatan warga FKPM melalui kompetensi warga kerja bertujuan mengelakkan berlakunya risiko dalam usaha mencapai objektif strategik FKPM **(Bukti 1)**

2. Strategi 2 – Mesyuarat Pemantauan

Kepimpinan Tertinggi FKPM juga mengamalkan sistem pemantauan yang berterusan dan menyeluruh ke atas perancangan yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif FKPM dapat dicapai terutama dalam bidang tumpuan. Pemantauan ini dapat dilakukan secara berperingkat dan berkala dengan mengadakan mesyuarat Work In Progress (WIP) **(Bukti 2)**

3. Strategi 3 – Latihan Sumber Manusia

Pihak kepimpinan tertinggi FKPM juga sentiasa menyediakan platform pembangunan warga FKPM melalui latihan-latihan yang berkaitan. Sistem perkongsian pembelajaran daripada warga FKPM kepada warga kerja yang tidak berkesempatan menyertai latihan-latihan tersebut juga merupakan satu amalan terbaik FKPM dalam usaha menangani risiko tempat kerja. **(Bukti 3)**

4. Strategi 4 – Apresiasi Warga

Kepimpinan tertinggi FKPM turut memastikan nilai penghargaan kepada warga FKPM wujud secara berterusan agar risiko-risiko yang dihadapi oleh pihak FKPM mampu ditangani secara bersama. Justeru bagi memupuk nilai sayangkan FKPM, pihak kepimpinan tertinggi sentiasa menghargai warga FKPM dengan mewujudkan pelbagai keseronokan dalam pekerjaan melalui aktiviti keraian dan kebajikan seperti sambutan hari jadi, sambutan Hari Raya dan makan malam FKPM **(Bukti 4)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_K01_KB04_KC02_20221_BUKTI 1.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0029_K01_KB04_KC02_20222_F0029_P01_PB04_PC01_20221_Mesyuarat WIP.pdf](#)
3. [F0029_K01_KB04_KC02_20223_BUKTI 1.4.2 LATIHAN SUMBER MANUSIA_BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0029_K01_KB04_KC02_20224_BUKTI 1.4.2 APRISIASI WARGA_BUKTI 4.pdf](#)
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN BERDASARKAN INSPIRE AND MOTIVATE ACTION.

Pengurusan Kanan FKPM sentiasa berusaha meningkatkan dan menambahbaik prestasi hasil daripada aktiviti bidang tumpuan yang telah dipilih berdasarkan strategi berikut:

1. Post Mortem Meeting

Pengurusan Kanan FKPM sangat menekankan kepentingan tindakan penambahbaikan aktiviti bidang tumpuan. Antara strategi yang lazimnya diamalkan adalah mesyuarat post mortem yang dapat membantu Pengurusan Kanan mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan bagi penganjuran di masa hadapan.

2. Mesyuarat WIP

Pengurusan Kanan FKPM amat menitikberatkan kepentingan penambahbaikan dengan memperkasakan mesyuarat Work in Progress (WIP) bukan hanya untuk memantau tetapi untuk mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan bagi hasil aktiviti bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

HASIL DARIPADA INSPIRE AND MOTIVATE ACTION

Kredibiliti dan sokongan kepimpinan tertinggi FKPM kepada inisiatif dan halatuju fakulti terutama dalam bidang tumpuan telah berjaya merealisasi 6 projek berimpak tinggi. Projek-projek yang bertunjangkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan ini mempunyai keunikan tersendiri. Objektif ke enam-enam projek ini akan dibincangkan dalam Kriteria 2 – Perancangan Strategik. Namun, jadual berikut menunjukkan hasil kepimpinan FKPM terhadap 6 projek utama dalam bidang tumpuan :

PROJEK PERTAMA:

Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan

•Tumpuan kepimpinan:

1. Inspire and Motivate Action
2. Sustainability in Motion – SDG15
3. Budaya Perdana UiTM – Empati, Relevan, Daya Saing
4. Komunikasi Digital
5. Apresiasi Warga

PROJEK KEDUA:

Sulam Adiwira Siber 3.0

•Tumpuan kepimpinan:

1. Inspire and Motivate Action
2. Sustainability in Motion – SDG4, 11, 16
3. Budaya Perdana UiTM – Relevan, Empati, Amanah, Adil dan Integriti
4. Komunikasi Digital
5. Apresiasi warga

PROJEK KETIGA:

Pendigitalan Pulau Bidong dalam mempromosikan pelancongan bersejarah melalui inovasi 360 & pembikinan filem dokumentari.

•Tumpuan kepimpinan:

1. Inspire and Motivate Action
2. Sustainability in Motion – SDG 11, 13,14,15
3. Budaya Perdana UiTM – Nilai tambah dan kelainan
4. Komunikasi Digital
5. Apresiasi warga

PROJEK KEEMPAT:

RealITEA Podcast (Podcast on SDG)

•Tumpuan kepimpinan:

1. Inspire and Motivate Action
2. Sustainability in Motion – SDG 9
3. Budaya Perdana UiTM – Relevan, Nilai tambah dan kelainan, arif dan berilmu
4. Komunikasi Digital
5. Apresiasi warga

PROJEK KELIMA:

Rasuah Buster- Kempen pengiklanan dengan Kerjasama Sinar Harian

• **Tumpuan kepimpinan:**

1. Inspire and Motivate Action
2. Sustainability in Motion – SDG 16
3. Budaya Perdana UiTM – Relevan, Empati, Amanah, adil dan integriti
4. Komunikasi Digital
5. Apresiasi warga

PROJEK KEENAM:

Dot.PSA

• **Tumpuan kepimpinan:**

1. Inspire and Motivate Action
2. Sustainability in Motion – SDG 3, 5
3. Budaya Perdana UiTM – Relevan, Empati, Amanah, adil dan integriti
4. Komunikasi Digital
5. Apresiasi warga

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam merialisasikan Perancangan Strategi UiTM 2020-2025 yang akan melonjakan UiTM sebagai sebuah univerrisiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, satu initiative harus dilakukan oleh setiap Fakulti dan PTJ yang bertanggungjawab.

Menjadikan idiomatic **‘Walk The Talk’** sebagai panduan dan pegangan, setiap usaha yang dilakukan haruslah dijalankan dengan bercirikan nilai-nilai yang terkandung di dalam **i-DART** iaitu setiap warga haruslah **Berilmu** dalam setiap usaha yang ingin dijalankan. Warga juga harus **Berdisplin** dan **Amanah** dalam menajalan tugas yang diberikan. Dalam menjadikan sebuah institusi itu unggul, budaya **Rajin** harus diterapkan di setiap kalangan warga FKPM dan yang terakhir adalah setiap warga haruslah menjadi seorang insan yang **Bertanggungjawab** dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Perancangan (PLAN)

Dalam menyuntik semangat warga FKPM untuk bersama-sama mencapai amanat dan aspirasi UiTM, beberapa perancangan yang dilakukan oleh PTJ bagi memastikan setiap warga mendapat pemahaman dan pengetahuan yang jelas mengenai objektif UiTM adalah melalui:

- Taklimat Penerengan Perancangan Strategi UiTM 2020-2025
- Bengkel Permunian SAP
- Bengkel Agihan Performance Index (PI)

Pelaksanaan (DO)

Melalui perancangan yang telah dibentangkan dan dilakukan. Setiap warga FKPM menjadikan *Pelan Perancangan Strategi UiTM 2020-2025 sebagai panduan melalui Performance Index (PI) yang diberikan sebagai objektif. Perlaksanaan dilakukan dengan beberapa cara:*

- *Aktiviti Kelab Pelajar*
- *Aktiviti Kerja Kursus Pelajar*
- *Kerjasama Pensyarah dan Pelajar*
- *Program Warga FKPM*

Pemantauan (CHECK)

Setelah pelaksanaan di lakukan, pemantauan harus dilakukan bagi memastikan setiap aktiviti, program dan usaha yang dijalankan oleh warga FKPM berada di landasan yang betul. Ini bagi

membantu warga FKPM agar usaha yang ingin dilakukan mengikut saranan yang ditetapkan. Pemantau telah dibuat melalui beberapa kaedah:

- Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar (TAPA) – dijalankan 2x sebulan
- Pembentangan WIP - dilakukan berperingkat
- Mesyuarat Penstrukturan Semula Strategic Action Plan (Pji)

Tindakan Penambahbaikan (ACT)

Setiap aktiviti, program dan usaha warga seharusnya dipertingkatkan dan diperkemaskan dari masa ke semasa. Tindakan PTJ dalam memastikan usaha warga diteruskan dan menjadi sebagai amanah tanpa membebankan warga, pelbagai inisiatif dilakukan oleh PTJ.

Diantaranya adalah:

- *Laporan Pembentangan PI*
- *Pemberian Sijil dan Surat Penghargaan*
- *Penghantaran Report bagi projek/program/usaha yang dijalankan*

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Projek dan Program berimpak tinggi yang dihasilkan oleh warga FKPM adalah berpandukan kepada aspirasi:

• PERANCANGAN STRATEGIK UiTM 2020-2025

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan, kepimpinan tertinggi FKPM menggunakan pemetaan yang berteraskan Global Renowned University di mana aspirasi ini tertumpu kepada TIGA (3) Teras Strategik yang dikaitkan dengan Tema Strategik (ST) yang telah ditetapkan dengan sewajarnya dalam menghasilkan:

- Pendidikan Berkualiti
- Kecemerlangan Global
- Prestasi Didorong Nilai

Pemetaan ini digunakan oleh seluruh bahagian dan unit di pengurusan tertinggi FKPM bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik tidak tersasar dari objektif yang hendak dicapai. Pendidikan yang berkualiti terhasil melalui hubungan akademia industri dengan menggunakan kepakaran industri dan universiti. Melalui jaringan alumni dan akademia mampu menambah nilai proses pembangunan modal insan university melalui latihan secara menyeluruh dengan kerjasama industri yang terdiri dari kalangan alumni fakulti serta aktiviti kemasyarakatan.

• VISI DAN MISI UiTM

Sejajar dengan misi dan visi universiti dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah institusi yang unggul berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika. Projek

Selain itu, pihak kepimpinan tertinggi FKPM turut meletakkan misi universiti yang menekankan kepada peningkatan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

Justeru, bagi merealisasikan misi dan visi universiti dengan kepakaran FKPM, 3 tema projek utama yang dirancang di bawah bidang tumpuan ini mensasarkan penglibatan pelajar dan warga FKPM secara menyeluruh dalam usaha menambah nilai kepada masyarakat Malaysia melalui pelbagai tema dan bidang kepakaran. Sumbangan ini terbentuk daripada bidang kepakaran FKPM sendiri iaitu dalam konteks bidang Komunikasi dan Media

Seterusnya, selain daripada Pelan Strategik UiTM 2020-2025, Misi dan Visi universiti, perancangan 3 tema projek utama di bawah bidang tumpuan yang dipilih ini turut berpandukan kepada perancangan strategik FKPM. Kepimpinan tertinggi FKPM turut mengadakan mensyuarat dalaman serta pelantikan ahli jawatankuasa khas perancangan strategik FKPM dalam usaha merancang projek-projek berbentuk masyarakat dan hubungan alumni yang strategik dan berimpak tinggi. Kepimpinan tertinggi FKPM turut melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap dan berkesan serta sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah organisasi terunggul.

Inisiatif seperti Bengkel Perancangan Strategik yang dijalankan juga antara salah satu usaha dalam merancang serta membentangkan hasil perancangan strategik yang boleh membantu

dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan bidang tumpuan yang dipilih. Pemerkasaan yang dilaksanakan ini adalah bagi mendapatkan maklumat yang lengkap bagi perancangan strategik yang mantap untuk pihak pengurusan FKPM sendiri.

Pelaksanaan program yang melibatkan penglibatan komuniti dan juga kesukarelawan staf, alumni dan pelajar secara tidak langsung mewujudkan perhubungan strategik dengan industri luar.

3 Objektif utama dalam perancang startegik FKPM dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan adalah :

1. Mengukuhkan hubungan antara khidmat masyarakat dengan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan FKPM
2. Menggalakan penglibatan pelajar untuk terlibat dengan komuniti kesukarelawanan atau khidmat sosial
3. Memperkukuhkan jaringan alumni dan pensyarah serta pelajar

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_P01_PB02_20221_Bengkel SAP.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB02_20222_Mesyuarat penstrukturan semula SAP.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan, PTJ telah menerapkan satu strategi perluasan yang mengikut dengan Idiomatik “Walk The Talk” dengan menitik beratkan *Turning Strategy Plan Into Reality* atau dalam perumpamaan melayunya Alang-alang Menyeluk Pekasam Biar Sampai Ke Pangkal Lengan.

Melalui hasil pemantauan dengan menggunakan 3 tema utama #Alumni #Komuniti dan #Kesukarelawan dengan berpaksikan konsep Strategy Deployment (SD) Process, yang diilhamkan oleh Bill Fejes, kepimpinan tertinggi kanan FKPM dapat memantau sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Informasi yang telah diperolehi ini akan menjadi indikator bagi penanda aras kepada inisiatif lain yang dilaksanakan berdasarkan konsep ini.

SD Process ini digunakan untuk menjajarkan dan memfokuskan fakulti pada objektif pelan strategik dan keutamaan penambahbaikan disamping memastikan agihan kerja, bebanan tugas serta perluasan setiap amanah dilakukan dalam keadaan yang teratur.

Step 1 - What

Pengurusan Tertinggi Kanan Fakulti telah menyerahkan dokumen Perancangan Strategi UiTM 2020-2025 kepada semua warga FKPM, bagi tujuan memberi pendedahan mengenai Amanat VC serta pelan terkini UiTM. Dokumen ini diserahkan melalui Taklimat Perancangan Strategi 2020-2025, Bengkel Permunian SAP dan Bengkel Agihan Performance Indicator (PI).

Step 2 – How Far

Setiap warga telah diberikan penjelasan serta pemahaman dalam mengenal pasti objektif terkini fakulti dan PI telah diberikan kepada pemegang – pemegang PI yang dipertanggungjawabkan dalam membantu fakulti serta universiti. Progress dari semasa ke semasa mengenai pencapaian fakulti juga dikongsikan bersama-sama warga FKPM agar ianya menyuntik semangat bersama dalam mencapai sasaran yang ditetapkan.

Step 3 – How

Dilangkah 3, PTJ menerangkan keutamaan penambahbaikan yang akan dilaksanakan pada tahun 1 untuk mencapai objektif tahunan melalui Work in Progress (WIP) yang dibentang setiap 3 bulan.

Step 4 – Who

Pengagihan tugas serta pemegang PI, telah dimandatkan oleh PTJ dalam Bengkel Agihan Performance Indicator (PI). Di mana setiap pemegang PI akan berkongsikan objektif serta kaedah kaedah yang boleh dilakukan oleh warga dalam menjalankan usaha yang memberi sumbangan kepada pencapaian objektif fakulti dan universiti.

Step 5 – How Much & When

Langkah ini adalah untuk menetapkan Sasaran-Untuk-Meningkatkan atau mengukur kemajuan yang dicapai dalam mencapai keutamaan penambahbaikan. Kaedah yang digunakan oleh PTJ adalah melalui *Laporan Pembentangan PI serta penghantaran Report bagi projek/program/usaha yang dijalankan*

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB03_20221_Bukti 1.pdf](#)
- 2.
3. [F0029_P01_PB03_20223_Mesyuarat WIP.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan, PTJ telah menetap beberapa kaedah yang digunakan dalam memastikan warga FKPM berada di dalam landasan yang betul.

Work In Progress (WIP) Report

Setiap perancangan yang dilakukan haruslah melalui fasa mengenal pasti PI yang akan disasarkan. Setelah PI dikenalpasti, kertas cadangan projek/program/usaha akan disemak oleh orang yang dipertanggungjawabkan terlebih dahulu sebelum ianya mendapat kelulusan dari PTJ.

PI yang mensasarkan 3 tema #Alumni #Komuniti dan #Kesukarelawan adalah:

#alumni

Melalui inisiatif bersama alumni, projek di bawah tema ini dapat mencapai Objektif ke 8 di dalam Pelan Perancangan Strategik UiTM 2020-2025 iaitu Memperkasakan Jaringan Strategik Bersama Alumni dan Industri.

#komuniti

Bagi merialisasikan Pelan Perancangan UiTM, setiap aktiviti yang diletakan di bawah tema ini harus mencapai PI yang ditetapkan. Dan setiap aktiviti juga akan terkandung di bawah pemetaan SDG 17 yang disarankan negara.

#Kesukarelawan

Sukarela ialah gabungan dua perkataan, iaitu suka dan rela. Gabungan dua perkataan itu membawa maksud rela untuk berbakti. Individu yang menyertai aktiviti kesukarelawan mempunyai sifat murni kerana sanggup meluangkan masa dan tenaga untuk membantu orang lain tanpa mengharap balasan. Aktiviti Kesukarelawan merupakan program yang telah menjadi kebiasaan di FKPM kerana disini bermulanya Pendidikan awal dalam melahirkan budaya perdana di kalangan warga FKPM.

(Lihat Hasil)

Mesyuarat TAPA

Dalam memastikan setiap projek/program/usaha pelajar juga berada dalam aspek yang sama, setiap kertas cadangan akan disemak oleh Penasihat Persatuan kepada Koordinator Kursus kepada Ketua Pusat Pengajian terdahulu sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat TAPA oleh Ketua Projek untuk mendapatkan kelulusan Ahli Tertinggi Kanan FKPM. Selain mendapat kelulusan projek, tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk melakukan pembetulan terhadap kertas kerja yang dirangkaikan agar setiap program dijalankan akan menjurus kepada menyahut aspirasi universiti.

Bagi rancangan penambahbaikan pula, PTJ memberi peluang dalam setiap program di bawah FKPM untuk membincangkan di kalangan Pusat Pengajian terhadap penghasilan projek yang boleh menyumbang kepada sasaran PI yang ditetapkan. Agihan tugas ini dijalankan

berperingkat, bermula dari Pengurusan Tertinggi Kanan fakulti kepada Ketua Pusat Pengajian dan diagihkan kepada Koordinator Kursus dan diberikan kepada Pensyarah-pensyarah. Begitu juga dengan bahagian pentadbiran fakulti. Agihan tugas ini dipikul oleh setiap warga FKPM dalam menaikan mutu fakulti dan university.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_P01_PB04_PC01_20221_Mesyuarat WIP.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB04_PC01_20222_MESYUARAT TAPA.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB04_PC01_20223_PI ALUMNI .pdf](#)
4. [F0029_P01_PB04_PC01_20224_PI KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN.pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif perancangan strategik berkaitan.

FKPM sentiasa terkehadapan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada para pelajar supaya mereka beraspirasi untuk menjadi seorang pakar bidang di dalam jurusan masing-masing. Sejalan dengan sasaran utama GRU2025 untuk memartabatkan Education 5.0 @ UiTM, FKPM telah mengambil langkah yang signifikan bagi meningkatkan prestasi, termasuklah menggandakan usaha kolaborasi dan pengantarabangsaan. FKPM perlu terus proaktif terutamanya dalam keadaan peningkatan desakan disebabkan perubahan cara hidup selapas Pendemik.

Antara risiko-risiko yang telah dikenalpasti ialah:

- **Kelemahan dari segi penyampaian maklumat**

Ketika program Jaringan #alumni dikendalikan, kekangan yang warga fakulti hadapi ialah kesukaran dalam penyampaian komunikasi yang jelas. Ini kerana segala aktiviti yang dilakukan 70% darinya dilakukan secara online kerana **SOP** dan dilakukan ketika **PKP** dan masalah teknikal sering berlaku yang mampu memcacatkan kelancaran sesebuah program.

Penurunan Risiko:

Penyampaian maklumat diadakan dalam pelbagai platform komunikasi seperti GoogleMeet, Webex, Youtube, Facebook Live dan sebagainya.

- **Kuantiti Tenaga Sumbangan Yang Kurang**

Ketika program yang melibatkan #komuniti dan #kesukarelawan diadakan, rata-rata program terpaksa menyukat bilangan ahli yang ingin menurut serta dalam usaha ini. Ini adalah kerana SOP yang harus dipatuhi.

Pengurusan Risiko:

Perbanyakkan program #komuniti dan #kesukarelawan dan setiap ahli akan menyertai mengikut giliran.

- **Penurunan Dalam Kesungguhan Bekerja**

Akibat terlalu lama Bekerja Dari Rumah, ramai mula merasakan hilang fokus terhadap kerja. Ini kerana keadaan persekitaran tidak sesuai seperti gangguan internet, keberadaan ahli keluarga di dalam rumah, masalah penggunaan komputer/gadjet dan seumpunya.

Pengurusan Risiko

Galakan dan dorongan dari PTJ dalam usaha meningkatkan mutu kualiti warga FKPM dilakukan dengan kaedah pemantauan dan penambahbaikan seperti penghargaan kepada mereka yang menialankan program-program yang berimpak.

<https://youtu.be/NeXsjNcG0V8>[BUKTI - Majlis AAU](#)

Pengurusan risiko dalam perancangan strategik PTJ.

Pasca endemic COVID-19, FKPM harus memberi laluan pembelajaran yang fleksibel dan adaptif, fokus pada penyampaian kemahiran hidup/transversal, kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar dan penggunaan teknologi yang berterusan tertanam secara mendalam dengan nilai dan prinsip. FKPM harus memantau agar semua menerima akses pembelajaran.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB04_PC02_20221_PENYAMPAIAN MAKLUMAT.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB04_PC02_20222_MC CARE.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB04_PC02_20223_49_DOT.PSA.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan yang dilaksanakan oleh PTJ bagi tindakan penambahbaikan projek/program/usaha warga akademik dalam mencapai objektif fakulti dan Universiti adalah melalui kaedah:

Pembentangan WIP

Di mana setiap kertas cadangan serta pelan iniatif dalam usaha mencapai aspirasi universiti dapat disemak dan dikemaskini agar ianya tidak tersasar dari landasan.

Mesyuarat TAPA

Melalui mesyuarat Tabung Amanah Pembangunan Akademik juga dapat membantu pelajar serta warga FKPM dalam merangka serta melakukan pembetulan terhadap kertas kerja yang dirangkaikan agar setiap program dijalankan akan menjurus kepada menyahut aspirasi universiti.

Pembentangan Peratusan PI

Setiap kejayaan yang mencapai PI fakulti akan dibentangkan berperingkat di dalam mesyuarat serta perjumpaan bersama PTJ. Dan peratusan ini juga turut dikongsikan bersama warga FKPM melalui hebahan Digital seperti whatapps group warga FKPM.

Kaedah-kaedah ini dilakukan untuk menyuntik semangat kerja berpasukan di kalangan warga FKPM untuk bersama-sama membantu dalam mencapai kejayaan fakulti. Pelbagai peluang diberikan serta galakan dan dorongan oleh PTJ kepada semua warga dalam usahasama melahirkan dan menerapkan nilai i-DART dikalangan warga fakulti. Di antaranya adalah:

- Surat Lantikan dan Penghargaan kepada setiap Ketua Projek dan Pensyarah Penasihat
 - Surat ini dapat membantu warga dalam menyumbang kepada Laporan Nilain Prestasi Tahunan
- Manjlis Anugerah Akademik dan Apresiasi FKPM
 - Meraikan warga yang banyak menyumbang kepada pembangunan fakulti dan universiti
 - [Majlis Anugerah Akademik](#)

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB04_PC03_20221_Mesyuarat WIP.pdf](#)
2. [F0029_P01_PB04_PC03_20222_MESYUARAT TAPA.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB04_PC03_20223_PI Achievement Report UiTM 2025 MC-decFY2021 B_5.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil perancangan strategik di bawah bidang tumpuan ini berjaya menrealisasi beberapa projek berkualiti dan berimpak tinggi yang dikategorikan mengikut tema **#alumni** , **#komuniti** dan **#kesukarelawan** yang seiring dengan objektif dan inisiatif strategik FKPM. Lebih membanggakan kesemua projek ini juga seiring dengan pelan semasa di 3 peringkat yang merangkumi global, kementerian dan universiti.

Projek-projek yang disebutkan ialah:

#alumni

· **Sesi bual bicara bersama alumni.**

Melalui projek ini, inisiatif dalam memperkukuhkan jaringan di antara alumni dan fakulti dapat dijalankan. Ramai bilangan alumni yang sudi memberi sumbangan bakti kepada fakulti melalui perkongsian pengalaman yang mereka perolehi kepada anak didik di bawah FKPM sebagai persiapan sebelum melangkah memulakan karier mereka.

Jaringan bersama alumni ini serba sedikit memberi laluan kepada pelajar dan alumni serta warga FKPM untuk menimba ilmu serta peka terhadap isu-isu terkini yang berlaku di dalam industri.

Sesi bual bicara ini juga turut dibuka kepada orang awam. Tujuannya adalah untuk memperkenalkan industri media kepada masyarakat dan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai peluang kerjaya yang boleh mereka perolehi melalui pengajian dan pembelajaran di FKPM. secara tidak langsung program seperti ini menarik minat orang awam untuk meneruskan pengajian mereka di UiTM.

· **MASSCOMM 50 Years Anniversary**

Dalam beberapa hari sahaja lagi FKPM atau lebih mesra dengan panggilan MASSCOMM akan meraikan sambutan Jubli Emasnya. Persiapan ini dilakukan dari tahun 2021 lagi dengan kerjasama Kelab Alumni MASSCOMM yang diketuai oleh otai penyiaran iaitu Encik Basri Rakijan, pelbagai inisiatif telah dijalankan dalam usaha meraikan Sambutan 50 Tahun MASSCOMM.

#komuniti

Bagi merialisasikan Pelan Perancangan UiTM, setiap aktiviti yang diletakan di bawa tema ini harus mencapai PI yang ditetapkan. Dan setiap aktiviti juga akan terkandung di bawah pemetaan SDG 17 yang disarankan negara.

· **Project PSA**

Projek PSA yang dikendalikan antara Pensyarah dan pelajar merupakan inisiatif fakulti dalam melahirkan graduan yang berketerampilan dan menepati ciri yang terkandung di dalam Pelan rancangan Strategik UiTM. Projek PSA banyak mengetengahkan isu-isu semasa yang perlu dipandang serius oleh setiap masyarakat disamping menyuarakan keluahanhati rakyat, serta memberi ruang dalam mengetengahkan pendapat dan cara untuk mengatasinya.

· **Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM)**

Inisiatif yang dipimpin oleh Kementerian Pendidikan untuk menjayakan Teras Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pengajian Tinggi) iaitu menghasilkan graduan holistik. Asas pelaksanaan aktiviti SULAM dalam komuniti adalah Kasih Sayang, Kebahagiaan dan Saling Menghormati (*Love, Happiness and Mutual Respect*). Projek ini merupakan projek yang ditempatkan di bawah kursus wajib fakulti, COM540 – Perundangan Media dan Etika. Oleh sedemikian, projek SULAM ini dijalankan setiap semester.

· **PODCAST SDG** - Bual bicara di antara pelajar dan pakar dari industri yang menyentuh aspek yang terkandung di dalam SDG 17.

#Kesukarelawan

Aktiviti Kesukarelawan merupakan program yang telah menjadi kebiasaan di FKPM kerana disini bermulanya Pendidikan awal dalam melahirkan budaya perdana di kalangan warga FKPM.

Melalui pencapaian PI fakulti, terserlahlah melalui penambahbaikan ini terhasilnya budaya perdana di kalangan warga FKPM dengan terhasilnya jumlah aktiviti-aktiviti yang membantu dalam pencapaian objektif fakulti.

(Lihat Hasil)

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_P01_PB05_20221_PI ALUMNI .pdf](#)
2. [F0029_P01_PB05_20222_PI KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN.pdf](#)
3. [F0029_P01_PB05_20223_KPI ALUMNI.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PERANCANGAN

Perancangan aktiviti FKPM menekankan lapan (8) hasil tumpuan kepada pelanggan di bawah pelan pencapaian *Performance Indicator* (PI) jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan fakulti. Hasil tumpuan kepada pelanggan ini melibatkan hubungan bersama 1) masyarakat dan komuniti; 2) alumni FKPM; 3) pelajar FKPM; 4) pengurusan tertinggi FKPM; 5) staf akademik; 6) staf bukan akademik; 7) industri (kementerian/badan kerajaan/NGO); dan 8) pihak media.

Setiap perancangan dan pelan pencapaian PI fakulti ini mempunyai **pendelegasian amanah** kepada staf akademik, selaku penasihat dan pelaksana program yang bertanggungjawab merancang strategi dan pelaksanaan program, melalui pembangunan kertas kerja program bersama pelajar yang mengenalpasti keperluan serta keterlibatan komuniti, alumni, industri dan media. Justeru, penasihat dan pelajar perlu berkomunikasi terus bersama komuniti terlibat dalam menjayakan program. Pemegang amanah dan jawatankuasa risiko juga perlu **menyatakan kemungkinan risiko** yang perlu diatasi sebelum pelaksanaan program.

PELAKSANAAN

Bagi memastikan **integriti** pelaksanaan program, kerta kerja yang disediakan adalah diteliti di dalam Mesyuarat Tabung Pengurusan Perkhidmatan Pelajar, oleh pengurusan tertinggi fakulti dengan sokongan staf pentadbiran dengan kehadiran pelajar. Oleh itu, **komunikasi** yang jelas dan terus di antara pengurusan tertinggi, staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar dapat dilaksanakan.

Untuk **memperkasa pembelajaran** yang menyeluruh dan inovatif, segala pembangunan serta penghasilan program adalah bersesuaian dengan pemetaan penilaian, *Course Learning Outcome* (CLO) dan keperluan kursus. Pemegang amanah dan pelajar juga mendokumentasi maklumbalas komuniti dan jawatankuasa pelaksana terlibat terhadap kualiti dan pelaksanaan program.

PEMANTAUAN

Pertama sekali, pemegang amanah perlu memastikan cadangan pemilihan komuniti, alumni, industri mahupun media, adalah tepat dan signifikan kepada keperluan program. Pemantauan ini diteruskan melalui penilaitan dan kelulusan pengurusan tertinggi fakulti dengan bantuan pengurusan staf pentadbiran aktiviti pelajar.

Demi menjaga kepentingan dan hubungan baik bersama pelanggan, bahagian korporat FKPM juga mengambil peranan memerhati dan memberi panduan berkenaan tatacara komunikasi media sepanjang pelaksanaan program. Ini juga merangkumi bahan format promosi program, aturcara serta penyediaan sijil dan penghargaan.

Melalui pemantauan hasil program tahun sebelumnya, beberapa program berimpak tinggi tidak mendapatkan visibiliti liputan media rasmi. Oleh itu, wujud keperluan menambahbaik hubungan bersama media dan industri. Kesedaran inisiatif perolehan *paten* juga tidak diutamakan bagi membantu pelajar dan staf akademik terlibat menjaga kepentingan hasil produk. Terdapat pelbagai penghasilan inovasi yang berpotensi untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi penambahbaikan, pengurusan tertinggi sentiasa mengwarkan kelebihan visibiliti liputan media rasmi, perolehan *paten* serta pengelibatan industri. Usaha ini diteruskan dengan pemakluman terus kepada pemegang amanah untuk menyahut usaha memanfaatkan jaringan MoU/MoA/MoC sedia ada. Pengurusan fakulti juga sentiasa mengwarkan warga FKPM untuk aktif menyertai pertandingan inovasi.

Berdasarkan laporan akhir program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan tahun 2021, pelbagai kejayaan penambahbaikan telah diperolehi. Antaranya adalah visibiliti liputan media rasmi kepada beberapa program, pendigitalan produk, perolehan *paten*, penganugerahan kecemerlangan, pengelibatan pelbagai industri, penghasilan inovasi dan sebagainya.

Melalui rumusan ini, jelas lah FKPM menjaga baik dengan sistematik pada tumpuan kepada lapan (8) pelanggan yang berbeza. Ini melibatkan elemen pemerksaan dan keterlibatan inklusif tumpuan pelanggan, komunikasi dan pengdelegasian berkesan, pelaksanaan amanah secara bertanggungjawab dan pengurusan risiko yang sistematik.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat lapan (8) kumpulan sasar pelanggan bagi bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan FKPM, iaitu:

1. Masyarakat dan komuniti;
2. alumni FKPM;
3. pelajar FKPM;
4. pengurusan tertinggi FKPM;
5. staf akademik;
6. staf bukan akademik;
7. industri (kementerian/badan kerajaan/NGO); dan
8. pihak media.

FKPM menekankan program dan aktiviti pelajar yang berasaskan **khidmat masyarakat dan komuniti berdasarkan keperluan setempat**. Penghasilan program juga mengenal pasti strategi penyelesaian masalah yang boleh diaplikasi masyarakat atau komuniti setempat bagi tempoh yang berpanjangan. (Bukti 1)

Seterusnya, FKPM juga memastikan **keterlibatan alumni** di dalam program yang melibatkan kepakaran kursus visibiliti kursus. Sememangnya, sumbangan kepakaran dan sokongan alumni mampu meningkatkan kualiti penghasilan program dan capaian media sosial kepada masyarakat. (Bukti 2)

Kesemua program yang dilaksanakan adalah hasil pemeraksanaan **MQF 2.0** pembelajaran dan penilaian kursus kepada pelajar. Oleh itu, tumpuan kepada pelajar diutamakan bagi penghasilan graduan yang menyeluruh dan inovatif. Pelajar juga diberi peluang menyumbang kepada komuniti melalui penghasilan pembelajaran dan luar kelas.

Untuk **memperkasa pembelajaran** yang menyeluruh dan inovatif, segala pembangunan serta penghasilan program adalah bersesuaian dengan pemetaan penilaian, *Course Learning Outcome* (CLO) dan keperluan kursus. (Bukti 3). Dengan ini, pelajar diberi peluang menyumbang kepada komuniti melalui penghasilan inovasi kreatif serta pemeraksanaan pembelajaran di dalam dan luar kelas. Akhir sekali, pemegang amanah dan pelajar juga mendokumentasi maklumbalas komuniti dan jawatankuasa pelaksana terlibat terhadap kualiti dan pelaksanaan program.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_T01_TB02_20221_Khidmat masyarakat dan komuniti berdasarkan keperluan setempat_compressed.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB02_20222_Pengelibatan Alumni FKPM dalam Dot.PSA.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB02_20223_Pemetaan SULAM pada CLO PLO.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB02_20224_Jemputan kolaborasi industri.pdf](#)
- 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan dan pengurusan data tumpuan pelanggan dilakukan melalui beberapa cara seperti yang berikut:

Masyarakat dan komuniti: Perolehan data adalah melalui kajian isu semasa, komunikasi terus kepada komuniti, data pencarian internet, serta pengumpulan survey. Sebagai contoh, penglibatan kumpulan sasar Adiwira Siber 2.0 menekankan program pelajar yang berasaskan khidmat komuniti berdasarkan keperluan setempat. Program ini memberi tumpuan kepada isu penularan berita palsu di media siber dan menghasilkan perintis adiwira siber untuk menggalakkan penggunaan media secara beretika. Oleh itu, tumpuan masyarakat diberikan kepada komuniti remaja di peringkat sekolah menengah yang aktif menggunakan media sosial. (Bukti 1)

Alumni: Capaian alumni dilakukan melalui perhubungan sedia ada bersama pensyarah dan pelajar serta penggunaan media sosial. Keterlibatan alumni diutamakan dalam program yang melibatkan penyampaian kepakaran kepada pelajar semasa. Sebagai contoh, program “Boxes that Matter” telah melibatkan alumni pakar dalam penggunaan excel di industri untuk menyampaikan skil tersebut kepada pelajar FKPM. Selain itu, terdapat juga penglibatan alumni dalam visibiliti media sosial bagi mencapai objektif program seperti strategi yang digunakan oleh Dot.PSA dan SULAM Adiwira Siber 2.0. (Bukti 2)

Pelajar: Maklumat tumpuan pelanggan pelajar diperolehi melalui pengkalan data UiTM sedia ada seperti SIMS dan UFuture. Manakala pengagihan kumpulan projek adalah berdasarkan penjadualan dan pengagihan kelas mengikut kursus yang dilakukan pada awal semester. Data penyertaan pelajar di dalam keberkesanan pelaksanaan projek juga dilakukan melalui pengumpulan survey pada setiap pengakhiran program.

Pengurusan tertinggi FKPM dan staf akademik: Data bagi tumpuan pelanggan ini adalah data rasmi fakulti yang boleh didapati melalui fail pentadbiran, laman sesawang fakulti dan mesyuarat yang diminitkan mengikut pengkelasan sistematik. Pengurusan tertinggi juga bertindak sebagai Jawatan Kuasa Mesyuarat Tabung Pengurusan Perkhidmatan Pelajar, manakala staf akademik yang menerima pelantikan sebagai pemegang amanah adalah bertanggungjawab sebagai penasihat dan pelaksana program yang dirancang fakulti. (Bukti 3)

Staf bukan akademik: Tumpuan ini melibatkan kepentingan tugas rasmi staf pentadbiran yang menguruskan permohonan, kelulusan, persuratan dan rekod pelaporan akhir aktiviti fakulti.

Industri (kementerian/badan kerajaan/NGO) dan media: Akhir sekali, data bagi tumpuan pelanggan ini diperolehi melalui perhubungan terus kepada industri. Warga FKPM menggunakan hubungan rapat sedia ada fakulti bersama industri serta mengenalpasti titik sentuhan terus daripada senarai MoU/MoA/MoC UiTM sedia ada. Hasil kerjasama ini industri ini direkodkan melalui pengumpulan keratan akhbar dan rakaman oleh bahagian korporat dan bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri fakulti. (Bukti 4)

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB03_20221_Kumpulan sasaran masyarakat dan komuniti_compressed.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB03_20222_Penglibatan Alumni FKPM dalam Dot.PSA.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB03_20223_Senarai Ahli Mesyuarat TPPP FKPM.pdf](#)
4. [F0029_T01_TB03_20224_Jemputan kolaborasi industri_compressed.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FKPM mengamalkan sistem pemantauan yang menyeluruh dan secara berperingkat bermula daripada pemantauan pelajar oleh staf akademik sebagai pemegang amanah sehingga ke pengurusan tertinggi.

Pertama sekali, pemegang amanah selaku pelaksana dan ketua projek perlu memantau perbincangan berkenaan program bersama pelajar. Pemegang amanah juga perlu memastikan cadangan keterlibatan dan pemilihan komuniti, alumni dan industri mahupun media di dalam perancangan program, adalah tepat dan signifikan. Oleh itu, penghasilan program **bersifat inklusif** kepada keterlibatan pelajar.

Demi menjaga **integriti** pelaksanaan program, pemantauan ini diteruskan melalui penilaitan dan kelulusan pengurusan tertinggi fakulti dengan bantuan pengurusan staf pentadbiran aktiviti pelajar. Staf pentadbiran akan memantau penyediaan dokumen dan syarat permohonan program untuk diajukan kepada pengurusan tertinggi fakulti. Selain itu, pengurusan tertinggi juga akan memastikan cadangan program selari dengan pemetaan PI fakulti serta UiTM. (Bukti 1)

Kelulusan program haruslah melalui Jawatankuasa Mesyuarat Tabung Pengurusan Perkhidmatan Pelajar. Di dalam mesyuarat ini, **pemeriksaan diberikan kepada pelajar** sebagai ketua projek untuk membentangkan kertas cadangan program. Segala perincian perbelanjaan dan pelaksanaan di dalam kertas kerja dibincangkan untuk kelulusan di dalam mesyuarat tersebut. Justeru, membenarkan **komunikasi terus** di antara pelajar dengan pengurusan tertinggi serta staf pentadbiran yang terlibat dalam mencapai kesaksamaan program. (Bukti 2)

Demi menjaga kepentingan dan hubungan baik bersama pelanggan, bahagian korporat FKPM juga mengambil peranan memerhati kelangsungan dan memberi panduan berkenaan tatacara komunikasi media sepanjang pelaksanaan program. Ini juga merangkumi penyediaan bahan format promosi program, memberi khidmat nasihat aturcara program terutamanya yang melibatkan pegawai kenamaan, penyediaan format sijil dan barangan penghargaan, serta pelbagai lagi. (Bukti 3)

Penghasilan pemantauan yang menyeluruh ini memerlukan **komunikasi yang berkesan** di antara setiap pihak yang melaksanakan tanggungjawab diberi. Ini akan memastikan program yang dihasilkan **berintegriti** serta memenuhi kehendak PI fakulti dan UiTM. Ia juga akan menjaga penghasilan program berkualiti dengan impak yang sepadan selain memastikan pergerakan program yang lancar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_T01_TB04_TC01_20221_CONTOH CARTA ALIR PERMOHONAN TANPA PERUNTUKKAN \(1\).pdf](#)
2. [F0029_T01_TB04_TC01_20222_Ccontoh surat kelulusan program dengan pemetaan PI.pdf](#)
3. [F0029_T01_TB04_TC01_20223_Ccontoh promo guidelines bahagian korporat FKPM.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap perancangan dan pelan pencapaian PI fakulti ini mempunyai pendelegasian amanah kepada staf akademik, selaku penasihat dan pelaksana yang bertanggungjawab merancang strategi dan menggerakkan program. Ia dilakukan melalui pembangunan kertas kerja program bersama pelajar yang mengenalpasti keperluan serta keterlibatan komuniti, alumni, industri dan media. Justeru, **pemegang amanah juga perlu menyatakan kemungkinan risiko yang perlu diatasi** sebelum pelaksanaan program untuk perancangan strategik lebih awal. Risiko ini juga dilaporkan pada pemetaan pencapaian PI.

Selain daripada itu, **jawatankuasa pengurusan risiko fakulti turut memberi maklumbalas sebarang risiko** yang dihadapi untuk setiap pelaksanaan program. Pengenalpastian risiko ini dilakukan secara telus untuk memastikan penambahbaikan yang optimal pada pelaksanaan program yang seterusnya. Antara risiko yang boleh dikenalpasti adalah penangguhan tarikh program berikutan penundaan mesyuarat kelulusan atau di atas permintaan komuniti terpilih itu sendiri. Usaha penambahbaikan tumpuan ini sangat membanggakan kerana trend kualiti dan pengurusan program ini sentiasa meningkat dari tahun 2018. (Bukti 1)

Melalui pemantauan hasil program tahun sebelumnya juga, beberapa program yang berimpak tinggi tidak mendapatkan visibiliti liputan media rasmi. Oleh itu, wujud keperluan menambahbaik hubungan bersama media dan industri. Kesedaran inisiatif perolehan paten juga tidak diutamakan bagi membantu pelajar dan staf akademik terlibat menjaga kepentingan hasil produk. Terdapat pelbagai penghasilan inovasi yang boleh dikomersilkan dan berpotensi untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB04_TC02_20221_Contoh HEP - Analisis impak risiko.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB04_TC02_20222_TREN \(Trend\) .pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi tindakan penambahbaikan, **keperluan pengurusan risiko dimaklumkan** kepada semua staf pengurusan dan pemegang amanah program. Antara tindakan pengurusan risiko yang diambil termasuklah, memastikan mesyuarat kelulusan dikerapkan untuk memudah urusan pelaksanaan program. Pensyarah penasihat juga di minta untuk sentiasa memantau pemilihan tarikh program dan pelan mitigasi yang bersesuaian sekiranya terdapat sebarang permasalahan timbul berkenaan tarikh program daripada komuniti yang terpilih.

Selain itu, pengurusan tertinggi juga sentiasa **mengwarkan kelebihan visibiliti liputan media rasmi, perolehan paten serta pengelibatan industri di dalam program**. Usaha ini diteruskan dengan pemakluman terus kepada pemegang amanah program untuk menyahut usaha memanfaatkan jaringan MoU/MoA/MoC sedia ada. Pengurusan fakulti juga sentiasa mengwarkan warga FKPM untuk aktif menyertai pertandingan inovasi.

Berdasarkan laporan akhir program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan tahun 2021, pelbagai kejayaan penambahbaikan telah diperolehi. Antaranya adalah **visibiliti liputan media rasmi** kepada beberapa program seperti RAWRIMBA dan Rasuah Buster, **video pendigitalan** Pulau Bidong, **perolehan paten** bagi program Podcast on SDG, **penganugerahan kecemerlangan** bagi program Dot.PSA, **pengelibatan pelbagai badan kerajaan dan NGO** pada SULAM Adiwira Siber 2.0 dan RAWRIMBA, **penghasilan produk inovasi** dan banyak lagi.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui usaha-usaha tumpuan pelanggan warga fakulti, jelas lah FKPM menjaga baik dengan sistematik pada tumpuan kepada lapan (8) pelanggan yang berbeza. Ini melibatkan integrasi elemen pemerkasaan dan keterlibatan inklusif tumpuan pelanggan, komunikasi dan pengdelegasian berkesan, pelaksanaan amanah secara bertanggungjawab dan pengurusan risiko yang sistematik.

Melalui usaha yang berterusan ini, FKPM berjaya menghasilkan beberapa inovasi dan pencapaian yang menyumbang kepada prestasi fakulti. Seperti contoh, untuk program Pendigitalan Pulau Bidong sahaja, jawatankuasa gerak kerja telah berjaya menghasilkan inovasi video 360, penerbitan penyelidikan, dan telah pun membuat pembentangan kajian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bertempat di London. (Bukti 1)

Selain itu, keberkesanan pengurusan tumpuan pelanggan dan penambahbaikan yang dilakukan ini dibuktikan dengan pencapaian tren yang sentiasa meningkat dari tahun 2018 (Bukti 2). Tumpuan kepada pelanggan FKPM ini juga secara tidak langsung mengaplikasi 7 prinsip perdana, iaitu:

1. **Pantas dan positif:** Sikap positif tumpuan pelanggan pelajar, staf akademik, staf bukan akademik dan pengurusan tertinggi yang sentiasa berusaha menghasilkan program berkualiti dan berkesan. Sebarang risiko yang dihadapi juga di atasi dengan usaha pantas.
2. **Empati:** Sifat empati ini perlu untuk sentiasa bersemangat melakukan kegiatan komuniti dan sukarelawan. Warga FKPM sememangnya sentiasa aktif menghasilkan program sedemikian.
3. **Relevan:** Untuk memastikan penghasilan program berkesan, FKPM sentiasa berusaha dan memastikan pemantauan kerelevanan program sentiasa di jaga.
4. **Daya saing:** Sifat daya saing ini sudah semestinya wujud dikalangan warga FKPM untuk sentiasa berusaha menghasilkan program yang terbaik dan bermanfaat kepada komuniti terlibat.
5. **Amanah, adil dan integriti:** Melihat kepada sistem perancangan, pemantauan dan penambahbaikan FKPM, sangat jelas bahawa setiap tumpuan pelanggan FKPM yang terlibat berusaha menunaikan amanah yang diberikan dengan adil dan berintegriti.
6. **Nilai tambah dan kelainan:** Sesuai dengan DNA Masscomm yang sentiasa kreatif dalam penghasilan program. FKPM telah memperkenalkan program unik yang berjaya menarik perhatian media serta sokongan pengikut media sosial. Seperti contoh, program #RAWRIMBA telah menghasilkan 'stickers' untuk memberi kesedaran kepupusan harimau. Manakala program Dot.PSA mendapat sokong ramai di dalam media sosial.
7. **Arif dan berilmu:** Sudah pastinya, bagi mencapai kejayaan tumpuan pelanggan ini, strategi yang dihasilkan dan dilaksanakan haruslah berlandaskan kearifan pengurusan tumpuan serta dikendalikan dengan berilmu.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_T01_TB05_20221_Publication on Bidong Island.pdf](#)
2. [F0029_T01_TB05_20222_TREN \(Trend\) .pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan program dan aktiviti fakulti adalah berdasarkan 3 elemen utama; (1) SDG, (2) education 5.0 (3) Industri revolusi (IR) 4.0.

Kerangka SDG

SDG boleh dianggap sebagai lanjutan daripada Pembangunan Milenium yang berfungsi untuk penambahbaikan dan kelangsungan manusia. Matlamat MDGs, yang dimulakan pada tahun 2000, memberi tumpuan kepada isu-isu mendesak seperti mengurangkan kelaparan, akses asas kepada pendidikan, akses asas kepada air dan sanitasi, mengurangkan kematian ibu dan anak kelangsungan hidup. Mereka menerima pakai definisi pembangunan yang dipermudahkan sebagai 'memenuhi keperluan asas', dan melakukannya tidak termasuk pertimbangan sosial dan alam sekitar. Oleh itu, antara agenda utama negara adalah membangun, berkaitan dengan kerajaan, penderma dan organisasi bantuan. Maka seiring dengan agenda pembangunan negara, program-program yang dilaksanakan haruslah diukur menggunakan elemen SDG.

Kerangka Pembelajaran 5.0 @UiTM

Perancangan program dan aktiviti FKPM juga dirangka mengikut Kerangka Pembelajaran 5.0 @UiTM yang mendokong 5 tiang utama iaitu i) teknologi baharu, ii) ekosistem yang menarik, iii) kejelasan tujuan, iv) budaya positif, dan v) prinsip berpaksikan masyarakat.

Revolusi Industri (IR4.0)

Diantara program utama yang dilaksanakan mengikut pengukuran (1) SDG (2) Education 5.0 & (3) Industry 4.0:

1. Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan

- **SDG Goal** - SDG15
- **Education 5.0** - Transformative Learning environment Innovative Delivery & Assessment
- **IR4.0** - Industrial Apps & Monitoring Tools

2. Sulam Adiwira Siber 3.0

- **SDG Goal** - SDG4, SDG11, SDG16
- **Education 5.0** - Innovative Delivery & Assessment
- **IR4.0** - Network Centric

3. Pendigitalan Pulau Bidong dalam mempromosikan pelancongan bersejarah melalui inovasi 360 & pembikinan filem dokumentari

- **SDG Goal** - SDG11, SDG13, SDG 14 SDG 15
- **Education 5.0** - Innovative Delivery & Assessment, Transformative Learning Environment
- **IR4.0** - Industrial Apps & Monitoring Tools, Network Centric

4. RealTEA Podcast (Siniar) on SDG

- **SDG Goal** - SDG 9
- **Education 5.0** - Innovative Delivery & Assessment
- **IR4.0** - Monitoring Tools

5. Rasuah Buster- Kempen pengiklanan dengan Sinar Harian

- **SDG Goal** - SDG16
- **Education 5.0** - Transformative Learning Environment

- **IR4.0** - Life Quality

6. Dot.PSA

- **SDG Goal** - SDG3, SDG5
- **Education 5.0** - Meaningful Learning experience
- **IR4.0** - Life Quality

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam mendepani pencapaian ke arah pelan strategi UiTM 2025. Kesemua program pilihan melalui proses pengukuran sejajar dengan sembilan tema di bawah Pelan strategi UiTM 2025 seperti yang tersenarai yang dibawah (**Bukti 1**).

1. Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan

- Pelan Strategi - S1, S4, S5

2. Sulam Adiwira Siber 3.0

- Pelan Strategi - S1, S2, S4, S5, S6, S8

3. Pendigitalan Pulau Bidong dalam mempromosikan pelancongan bersejarah melalui inovasi 360 & pembikinan filem dokumentari

- Pelan strategi - S1, S4, S5

4. RealITEA Podcast (Siniar) on SDG

- Pelan strategi - S1, S2, S4, S5, S6, S8

5. Rasuah Buster- Kempen pengiklanan dengan Kerjasama Sinar Harian

- Pelan strategi - S1, S2, S4, S5, S6, S8

6. Dot.PSA

- Pelan strategi - S1, S2

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_A01_AB02_20221_BUKTI KRITERIA 4_4.2.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran analisa dan pengetahuan bidang tumpuan ini dilakukan melalui 2 proses:

Proses 1: Pengumpulan Data

1. Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan

- **Data pengukuran:** Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepupusan Harimau Malaya melalui kempen pengiklanan digital. Pengukuran prestasi projek ini dapat dilihat melalui jumlah pengikut di media sosial, tanda suka, perkongsian oleh pengguna dan juga komen yang ditinggalkan (**Bukti 1**)

2. Sulam Adiwira Siber 3.0

- **Data pengukuran:** Service-Learning Malaysia - University for Society (SULAM) merupakan sebuah inisiatif berdinamik yang diwujudkan untuk menggalakkan para mahasiswa dan mahasiswi serta barisan pendidik berhubung dengan komuniti melalui program-program bermanfaat. Secara dasar, wujudnya program ini adalah untuk mencapai objektif utama pelaksanaan SULAM yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti. Untuk mencapai objektif tersebut, matlamat program ini berteraskan kepada mendidik dan memberi kesedaran kepada komuniti terlibat, kepada nilai kesopanan dan kesusilaan di dalam penggunaan media sosial, sekaligus mendukung dan bersesuaian dengan Rukun Negara yang kelima. Pengukuran prestasi bagi projek ini adalah melalui maklumbalas peserta (**Bukti 2**)

3. Pendigitalan Pulau Bidong dalam mempromosikan pelancongan bersejarah melalui inovasi 360 & pembikinan filem dokumentari

- **Data pengukuran:** Objektif utama projek ini adalah mempromosikan pelancongan bersejarah iaitu Pulau Bidong dan pengukuran prestasinya dapat diukur melalui dapatan kajian, pembikinan filem dokumentari dan juga inovasi 360.

4. RealTEA Podcast (Sinar) on SDG

- **Data pengukuran:** Objektif utama projek ini adalah untuk membincangkan tentang kesemua kerangka SDG (17) oleh pelajar, alumni dan juga pemain industri. Ukuran prestasinya dilihat melalui ranking episod dan juga lokasi pendengar (**Bukti 3**)

5. Rasuah Buster- Kempen pengiklanan dengan Kerjasama Sinar Harian

- **Data pengukuran:** Objektif utama projek ini adalah untuk memperluaskan kesedaran dan mendidik masyarakat umum untuk menentang gejala rasuah. Kempen ini mendapat kerjasama daripada akhbar Sinar Harian. Pengukuran prestasinya pula diukur melalui ketampakan kempen ini di media (**Bukti yang sama dengan Kriteria 1. Rujuk Bukti 4**)

6. Dot.PSA

- **Data pengukuran:** Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran umum kepada orang ramai melalui kempen periklanan. Pengukuran prestasi diukur berdasarkan kepada tahap kesedaran awam terhadap isu yang diketengahkan selain daripada kejayaan pelaksanaan kempen.

Proses 2: Analisa Pencapaian

Setiap data yang diperolehi diukur dan dianalisa menggunakan kaedah-kaedah statistik. Melalui hasil analisa, keputusan yang dicapai akan dibincangkan bagi tujuan penambahbaikan. Pengurusan projek yang berteraskan kepada perancangan yang sistematik akan membawa

kepada inovasi-inovasi baru dalam bidang tumpuan ini. Proses penghasilan projek bertingkat tinggi ini melibatkan perancangan yang teliti, diikuti oleh pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. Dapatan analisa pencapaian ini digunakan dalam proses penambahbaikan yang akan dibincangkan dibawah sub-topik Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB03_20221_AKTIVITI SDG RAWRIMBA.pdf](#)
2. [F0029_A01_AB03_20222_BUKTI PENGUKURAN SULAM ADIWIRA.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB03_20223_BUKTI PENGUKURAN PODCAST.pdf](#)
4. [F0029_A01_AB03_20224_BUKTI 1.4_KETAMPAKAN MEDIA_BUKTI 2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Analisa data bagi aktiviti bidang tumpuan digunakan digunakan berdasarkan inisiatif berikut:

- **Penambahbaikan berterusan**

Berpandukan kepada dapatan hasil serta analisa bagi setiap projek yang telah dijalankan, terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dicadangkan. Setiap cadangan yang dikemukakan akan dibincangkan dalam langkah-langkah penambahbaikan agar projek-projek yang bakal dijalankan pada masa akan datang berjalan dengan lebih baik.

- **Perancangan masa depan**

Dengan mengambil contoh projek Rawrimba: Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan, **penambahbaikan dan inovasi yang dicadangkan adalah:**

1. Mengenalpasti punca sebenar kepupusan spesis Harimau Malaya di Malaysia.
2. Menambahkan kajian berkaitan kepupusan spesis lain yang mungkin memerlukan inisiatif yang sama untuk dikekalkan.
3. Mengkaji pelbagai fungsi kempen periklanan digital dalam menghasilkan kempen kesedaran yang lebih efektif dalam memelihara dan memulihara haiwan dan alam sekitar
(Bukti 1)

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_A01_AB04_AC01_20221_AKTIVITI SDG_RAWRIMBA.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko Kewangan Kebanyakan projek perundingan menggunakan sumber kewangan dan tenaga yang intensif. Kempen pendigitalan Projek yang dijalankan adalah (organic), search optimisation tak digunakan, kerana kekangan kewangan, tiada dana diberikan dari projek jabatan perhilitan. Ada juga khidmat perundingan yang tidak dapat disediakan disebabkan kekangan yang dihadapi oleh perunding.

Risiko Imej UiTM Projek perundingan yang gagal akan menjatuhkan imej UiTM dan juga reputasi perunding itu sendiri. Walaupun setiap perundingan dan kolaborasi yang dijalankan oleh pihak fakulti dan industri adalah hasil Kerjasama dari dua-hala. Bagi projek pendigitalan di pulau bidong contohnya, melibatkan pelbagai agensi utama seperti Finas Malaysia, Jabatan Muzium Terengganu, Jabatan perlancongan Terengganu dan juga penglibatan institusi pengajian tinggi swasta dibawah geran padanan. Manakala untuk RealiTEA Podcast (Siniar) on SDG, setiap rakaman perbualan haruslah didepani oleh persefahaman di antara semua pihak yang terlibat (tetamu jemputan, pencipta kandungan dan pensyarah) akan hak tetamu terhadap implikasi bahan yang telah dirakam dan disunting akan dimuatnaik ke platform siniar seperti aplikasi Anchor, Spotify, Apple Podcast dan Google Podcast, ketika rakaman berlangsung, proses suntingan dan setelah bahan dimuatnaik. Beberapa perkara yang WAJIB dipersetujui TANPA kompromi adalah untuk tidak sekali-kali mencemarkan nama baik UiTM secara langsung atau bersahaja, tiada unsur pendirian politik dan tidak menyentuh sensitiviti mana-mana agama. Ini kerana rakaman yang dimuatnaik akan tersebar ke seluruh dunia di mana 99% kandungan siniar ini adalah di dalam Bahasa Inggeris.

Risiko keselamatan, kerana pelajar dapat mendekati, tanpa kawalselia, pelajar terdedah kepada bahaya. Contohnya, bagi projek Harimau Malaya, pelajar dibenarkan untuk mendekati haiwan liar ini secara dekat, diikuti projek luar seperti pendigitalan di Pulau Bidong, penyelidik dan pelajar terdedah kepada risiko monsun untuk ke pulau tersebut. (pre-departure briefing and checklist. Untuk RealiTEA Podcast (Siniar) on SDG pula, untuk memastikan kedua-dua belah pihak terlindung dari implikasi “penyataan, maksud tersurat dan tersirat dan yang seumpama dengannya”, sebanyak dua dokumen penting harus dikemukakan untuk tujuan penyimpanan dan keselamatan bahan dan hakmilik. Dokumen ini adalah (1) surat persetujuan (consent form) yang telah dibincang dan disetujui oleh semua pihak berkaitan dan (2) transkrip yang telah dicatat secara verbatim untuk tujuan penyimpanan dan repositori.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB04_AC02_20221_HEA 1 - ANALISIS IMPAK OPERASI DAN PERANCANGAN KESINAMBUNGAN OPERASI HEA 1.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko yang dinyatakan pada 4.4.2 tersebut dapat diatasi dengan memastikan perunding mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan risiko dapat ditangani dan terkawal.

Dari segi risiko kewangan setiap perunding dan penyelidik yang terlibat diminta membuat surat perjanjian dengan klien untuk menentukan tanggungjawab kedua-dua belah pihak dan juga penalti sekiranya projek gagal. b) Bayaran kepada perunding dipantau dan diuruskan oleh pihak IRMI dan fakulti bagi memastikan kejayaan projek.

Risiko imej UiTM Hanya mereka yang pakar dibenarkan menjalankan kerja perundingan. Kebanyakan pakar-pakar ini dikenali dan dipilih sendiri oleh klien. Oleh itu risiko kegagalan projek hasil dari inisiatif pensyarah FKPM sendiri adalah kecil.

Bagi projek perundingan yang terbit dari inisiatif fakulti, pihak fakulti membantu pemantauan bagi memastikan projek dijalankan oleh mereka yang mempunyai kepakaran dan track record. Pensyarah yang baru dalam aktiviti perundingan perlu diselia oleh pensyarah yang berpengalaman.

Risiko pengajaran dan pembelajaran diminimakan dengan guna sama dari kolaborasi yang dijalankan bersama pihak industri dalam bentuk bantuan peralatan dan teknikal. Contohnya kolaborasi bersama Finas Malaysia membantu dari segi kekurangan peralatan dan tenaga teknikal untuk sesi penggambaran dokumentari seperti projek pendigitalan di Pulau Bidong. Pensyarah yang didapati menjalankan kerja perundingan tanpa mendapat kebenaran Fakulti akan dipanggil oleh pengurusan kanan dan diberi nasihat untuk didaftarkan di bawah pihak IRMI.

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui Program-program yang dijalankan, pembudayaan penghasilan inovasi, penyelidikan dan penerbitan menjadi halatuju baru fakulti pada masa kini dan di masa hadapan. Selain itu, budaya kolaborasi industri dapat memastikan kelestarian program-program dibawah seliaan fakulti dapat membantu FKPM memastikan program kekal relevan. Penghasilan Inovasi 360-Video dan penghasilan video dokumentari telah membawa fakulti dalam pertandingan-pertandingan inovasi dalam negara dan luar negara disertai dengan penerbitan serta pembentangan di konferens bagi menggiatkan lagi kesedaran setiap program yang dijalankan.

Program pendigitalan harimau malaya contohnya, telah bersama-sama membantu perundingan jabatan perhilitan bagi menghasilkan kandungan digital seperti "Interactive sticker" dan "Interactive filter" disusuli dengan teks paparan di sosial media. Pembudayaan positif ini dibuktikan dengan terhasilnya kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perhilitan Malaysia, Muzium Negeri Terengganu dengan bantuan media tempatan seperti siaran di televisyen, youtube dan sosial media agensi-agensi yang terlibat bagi tujuan promosi. Ditambah pula, program pemuliharaan dan pemeliharaan tapak sejarah di Pulau Bidong secara maya mampu menaik taraf sosio ekonomi masyarakat setempat khususnya dan kerajaan negeri terengganu secara amnya.

Penghasilan penerbitan bagi setiap perundingan dan penyelidikan yang dijalankan memupuk budaya penerokaan dan penemuan dapatan baru dapat meningkatkan meningkatkan budaya penyelidikan dalam kerjaya penyelidik dan perunding FKPM kerana ia mampu meningkatkan integriti dan kredibiliti mereka seterusnya memartabatkan lagi profesion akademik. Kerana budaya pembelajaran dan pengajaran tidak tertumpu hanya di dalam kelas, tetapi secara aplikasi dan praktikal dan seterusnya penghasilan yang mampu menjadi nilai tambah buat negara.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_A01_AB05_20221_QS GEN Saving Harimau Malaya - RAWRimba .docx.pdf](#)
2. [F0029_A01_AB05_20222_RAWRIMBA - SOCMED POSTING.pdf](#)
3. [F0029_A01_AB05_20223_THE AWARDS UITM 2021 - Results.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam melaksanakan pengurusan sumber manusia yang mapan dan berdaya saing bagi program-program dan projek-projek yang berimpak tinggi, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media memberi penekanan kepada komunikasi strategik dan perancangan teliti yang dapat memberi nilai tambah kepada pemegang taruh. Di sini, pemegang-pemegang taruh yang memainkan peranan penting adalah pensyarah, staf pentadbiran dan pengurusan fakulti serta UiTM, pelajar-pelajar, alumni serta masyarakat / komuniti yang terlibat apabila sesuatu projek itu dilaksanakan. Justeru, pengurusan sumber manusia yang strategik apabila melaksana program yang melibatkan pelajar dan komuniti setempat, jawatankuasa pelaksan telah secara khususnya mengenalpasti alumni-alumni yang dapat memberi kelebihan berdasarkan kepakaran yang mereka miliki.

Kelestarian yang berpaksikan kepada kemampuan sesuatu program dalam menggerakkan sumber-sumber disekelilingnya adalah sangat bergantung kepada semangat kesukarelawan yang diterapkan oleh universiti kepada alumni-alumni ini apabila mereka bergelar pelajar. Hasilnya dituai apabila pelajar ini bergraduat dan mampu memberi khidmat dari segi tenaga, minda, konsultasi mahupun kewangan kepada universiti apabila diperlukan. Tanpa mengharapkan balasan, alumni yang menjalankan kerja-kerja 'pro-bono' atau sukarela ini mampu meningkatkan lagi nama dan martabat universiti di kalangan masyarakat. Malahan, ianya akan menjadi pemangkin kepada pelajar agar terus bersemangat dalam menguruskan sumber yang terhad sama ada berbentuk kewangan mahupun sumber manusia.

Pengurusan sumber manusia yang bijak tanpa pemantauan yang khusus apabila menjalankan sesuatu program juga telah dititikberatkan oleh fakulti menerusi kawalan dan penasihat oleh pensyarah yang terlibat. Bertingak sebagai pemudah cara, penasihat program atau projek ini mewujudkan elemen semak dan imbang atau 'check and balance' bagi memastikan pengurusan program yang cekap terutamanya apabila sumber manusia adalah terhad di kalangan kumpulan pelajar itu sendiri. Program-program yang dilaksanakan oleh fakulti seperti Dot.Psa, Adiwira Siber 2.0, dan RAWRIMBA telah membuktikan bahawa penglibatan komuniti dan organisasi luar mampu meningkatkan produktiviti dan hasil kerja pelajar. Ini kerana proses pemantauan yang rapi oleh penasihat disusuli dengan fasa penambahbaikan yang dijalankan secara berperingkat sepanjang program berjalan, menjadikannya batu asas kepada kelestarian program itu sendiri.

Selain daripada itu, kayu pengukur kepada keberhasilan pelajar fakulti bukan sahaja bergantung kepada pencapaian akademik apabila bergraduat semata-mata, ianya bermula apabila pelajar mula terlibat dalam program-program yang berorientasikan masyarakat. Pengurusan sumber manusia jika dilihat dari sudut ini tentunya menjurus kepada pencapaian fakulti dalam menjadi jambatan yang menghubungkan pelajar dengan komuniti dan jaringan alumni yang luas. Ianya akan membantu universiti dalam merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2020-2025 di mana SDG mengimbangi pelaksanaan program dengan pengurusan sumber manusia. Ini bermaksud, inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam SDG telah digunapakai secara kreatif dan inovatif dalam memastikan jawatankuasa yang terlibat mampu melonjakkan ahli-ahli dan juga pemegang taruh ke satu tahap yang lebih tinggi.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam melaksanakan program-program yang memberi keutamaan kepada pencapaian dan impak Sustainable Development Goals (SDG -17). Amalan dan pendekatan sumber manusia diberi penekanan khusus di mana kerjasama strategik akademia – industri – komuniti menerusi program-program yang dianjurkan. Pengurusan sumber manusia yang mapan dapat menentukan pemerolehan hasil kerja berpasukan yang stabil terutamanya apabila ia melibatkan pelbagai pemegang taruh seperti kempen digital Selamatkan Harimau Malaya (RAWRIMBA) yang amat menekankan komunikasi strategik. Perancangan dan pengurusan sumber manusia yang kukuh telah menyumbang kepada kelancaran perjalanan kempen digital seperti RAWRIMBA ini. Ini kerana dari pihak UiTM sendiri terlibat operasi sumber manusia berperingkat yang menyaksikan kerjasama daripada pelajar, pensyarah kursus, pengurusan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, dan seterusnya pengurusan tertinggi UiTM iaitu pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Kaedah perancangan dan pengurusan sumber manusia yang efektif adalah selari dengan kepentingan dan tujuan program-program yang telah dilaksanakan. Ini secara jelas dapat dilihat menerusi carta organisasi yang diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan program. Menerusi carta organisasi, publik dan pemegang taruh dapat mengenal pasti punca kuasa bagi pengagihan tugas serta kakitangan yang terlibat. Kaedah mengguna pakai pengurusan sumber manusia secara konvensional di mana orientasinya menjurus kepada perkhidmatan dan pelaksanaan tugas secara efisien yang mengambil kira faktor akauntabiliti. Selain daripada itu, struktur organisasi yang jelas bukan sahaja mencerminkan profesionalisme, malahan akan memudahkan proses pengambilan dan penambahan sumber manusia (jika perlu), pengurusan strategi, dan melicinkan proses pembuatan keputusan.

Sebagai contoh, program Kempen Kesedaran Kesopanan Dan Kesusilaan 2.0: Kita Adiwira Siber - Anti Berita Palsu yang mengetengahkan tanda pagar #Adiwirasiber dan #Digitalavengers telah secara efektif menguruskan sumber manusia yang melibatkan penglibatan orang ramai merentasi jaringan komuniti secara maya dan fizikal. Keterlibatan pelajar sekolah, jabatan pendidikan, mahasiswa serta pensyarah UiTM dapat diuruskan dengan sempurna apabila struktur organisasi yang diwujudkan telah membantu jawatankuasa dalam menyempurnakan tugas seperti yang diamanahkan dalam deskripsi tanggungjawab.

Pengukuran keberkesanan pengurusan sumber manusia bagi program Kita Adiwira Siber ini dapat dilihat apabila ianya berjaya membentuk komuniti pelajar sekolah dan mahasiswa yang bertanggungjawab dalam interaksi sosial mereka. Selain daripada itu, jawatankuasa yang terlibat telah berjaya memupuk semangat pelajar yang menyertai program ini menerusi komunikasi efektif yang member pendedahan kepada alam universiti seterusnya memupuk minat dan kecintaan terhadap ilmu.

Kelancaran dan kekuatan sesebuah program yang melibatkan pelbagai pemegang taruh secara tuntasnya bergantung kepada tadbir urus yang jelas dan teratur. Justeru, bagi memastikan kelicinan itinerari program, semua agenda berkaitan sumber manusia telah dibincangkan secara langsung menerusi mesyuarat, perbincangan, dan mediasi sama ada secara bersemuka atau atas talian. Perbincangan secara berterusan sepanjang program dilaksanakan adalah penting dalam pengurusan sumber manusia kerana ia dapat menentukan hubungan dan kaedah pelaporan yang sesuai berkaitan perjalanan program serta penambahbaikan yang perlu diambil bagi menyelesaikan mana-mana isu yang timbul ketika program berjalan.

Selain daripada itu, pengurusan sumber manusia yang efektif juga dapat dilihat apabila organisasi / penyelidik yang terlibat mampu memberi penjelasan dan membuat

keputusan berkaitan hal ehwal jawatankuasa yang akan memberi kesan kepada operasi sumber manusia sama ada sebelum, semasa, dan juga selepas program dijalankan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_S01_SB02_20221_RAWRIMBA - SOCMED POSTING 2.pdf](#)
2. [F0029_S01_SB02_20222_Kelulusan Sulam.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam penganjuran program-program yang memerlukan variasi kepakaran serta pengalaman, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media menggunakan sumber manusia yang sedia ada di fakulti disulami kepakaran luar berdasarkan keperluan program. Sebagai contoh, program kempen digital RAWRIMBA bukan sahaja memerlukan kemahiran digital, tetapi kepakaran berkaitan ilmu dan data tentang Harimau Malaya. Ianya diperolehi apabila kerjasama strategik dijalankan dengan Jabatan Perhilitan Malaysia yang membekalkan sumber maklumat dan sumber manusia yang pakar dalam bidang perhutanan dan konservasi Harimau Malaya. Di fakulti pula, maklumat yang diperolehi telah diterjemahkan kepada teknik penceritaan digital (digital storytelling), penulisan kreatif (creative copywriting), kesan visual, audio, dan juga efek khas. Ia dilaksanakan secara efektif oleh pelajar dan diselia oleh pensyarah berkaitan.

Bagi projek Pendigitalan Pulau Bidong, sumber manusia telah diberi penekanan di mana ilmu dan kepakaran semua pemegang taruh dilah dioptimumkan oleh penyelidik yang menjalankan kajian bagi mempromosikan pelancongan bersejarah di Pulau Bidong, Terengganu. Menerusi projek berimpak tinggi ini, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM menerima geran padanan inisiatif universiti awam-swasta di mana UCSI University merupakan rakan penyelidik bersama. Ini menunjukkan peranan sumber manusia yang strategik dalam menyelaraskan tugas, kewangan, bantuan teknikal, logistik, peralatan, dan kepakaran di antara UiTM dan UCSI University.

Selain daripada itu, untuk mengoptimumkan kepakaran dari sudut teknikal dan pengetahuan berkaitan Pulau Bidong, projek Pendigitalan Pulau Bidong telah menjalankan kerjasama dengan pemegang taruh luar terutamanya Tourism Terengganu dan Jabatan Muzium Terengganu bagi mendapatkan maklumat khusus berkaitan artifak di Pulau Bidong. Sumber Manusia di kedua-dua agensi kerajaan ini dioptimumkan dengan keterlibatan langsung Exco Pelancongan Terengganu, Pengarah Tourism Terengganu dan Pengarah Muzium Terengganu. Ketiga-tiga pegawai tertinggi agensi kerajaan ini telah menjamin urusan yang lancar apabila berhubung dengan pegawai-pegawai di bawah agensi tersebut.

Bagi melengkapkan keperluan teknikal dan peralatan, penyelidik telah menjalin kerjasama teknikal secara formal dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi mendapatkan peralatan yang tidak dapat dipenuhi oleh UiTM dan UCSI University. Penglibatan secara langsung oleh FINAS ini diterjemahkan menerusi kelancaran penggambaran, kualiti dokumentari dan imej yang terhasil daripada penggunaan peralatan digital yang berkualiti tinggi. Ini secara langsung membantu penyelidik dalam pengurusan sumber manusia apabila urusan peminjaman dilakukan secara formal dan aktiviti direkodkan sebagai bukti. Nilai tambah ini dapat dilihat secara jelas dengan penghasilan dokumentari dan inovasi 360 darjah yang mempunyai kualiti HD pada audio dan videonya.

Aktiviti pengurusan dan komunikasi sumber manusia bagi projek Pendigitalan Pulau Bidong juga diberi penekanan apabila penyelidik berurusan dengan penduduk dan komuniti setempat. Ianya penting kerana salah satu objektif projek ini adalah memberi pendedahan kepada penduduk setempat berkaitan kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan artifak di kawasan mereka. Justeru, pengurusan sumber manusia di aplikasi secara kreatif apabila komunikasi tidak formal digunakan dalam menyelaraskan sesi taklimat bersama penduduk kampung. Ketua Kampung Merang, Terengganu dihubungi penyelidik bagi mendapatkan bantuan logistik dan khidmat orang kampung. Hasil pengurusan sumber manusia yang efektif juga dipanjangkan menerusi penulisan ilmiah di atas setiap maklumat yang diterima daripada komuniti setempat. Ianya merupakan salah satu daripada tiga hasil projek ini di mana artikel yang ditulis telah

dinantar ke jurnal berwasit dan juga sesi perkongsian di persidangan dalam dan luar negara (Sarawak dan London).

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_S01_SB03_20221_RAWRIMBA - SOCMED POSTING 2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Memandangkan majoriti program dan projek yang melibatkan pelajar berpandukan kepada hasil pembelajaran atau curriculum based outcome, perancangan sumber manusia dari sudut pembahagian tugas memerlukan rekod dan penilaian keserakanan (peer assessment). Ini penting bukan sahaja untuk mengukur sumbangan ahli yang terlibat, tetapi juga menjadi bukti kepada kesepakatan dan kebolehpercayaan penganjuran program itu sendiri.

Sebagai contoh, program RAWRIMBA yang melibatkan pelajar sebagai ahli jawatankuasa yang melaksanakan kempen digital dan juga lawatan teknikal, keperluan penilaian keserakanan adalah relevan di mana setiap ahli dalam unit/jabatan terlibat boleh membuat penilaian dengan memberi markah kepada sumbangan setiap seorang. Dari sudut kerahsiaan, penilaian keserakanan dijalankan secara individu bagi mengelakkan prejudis dan berat sebelah.

Tambahan lagi, semak dan imbang telah dapat dicapai oleh program seperti RAWRIMBA apabila penilaian projek dibuat dua pihak; pensyarah sebagai wakil kepada UiTM dan Jabatan Perhilitan Malaysia sebagai klien kepada program kempen digital Selamatkan Harimau Malaya ini. Dua jenis penilaian iaitu penilaian formatif dan penilaian summatif diaktifkan bagi mengukur standard program ini. Penilaian formatif menjurus kepada laporan berkala yang dibuat oleh pelajar pada awal (pitch) dan juga pada pertengahan kempen dijalankan (progress). Manakala penilaian summatif merujuk kepada laporan akhir apabila kempen/program tamat dijalankan. Rubrik yang lengkap disediakan kepada penilai di mana pembentangan akhir telah dibuat.

SENARAI BUKTI:

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Penganjuran kempen yang melibatkan pelbagai pihak sama ada dari dalam UiTM mahupun dengan pihak luar amat dititik beratkan dari sudut pergaulan dan interaksi. Ianya menjadi semakin penting ketika dunia dan Malaysia khususnya berhadapan dengan gejala penularan virus COVID-19 pada permulaan tahun 2020. Sehingga kini, walaupun majoriti penduduk Malaysia telah dilindungi dengan mengambil dua dos vaksin serta dos penggalak vaksin COVID-19, risiko jangkitan virus tersebut masih lagi tinggi terutama di kawasan yang mempunyai kepadatan individu.

Walaupun negara telah memasuki fasa endemik, kerajaan masih lagi mewartakan keperluan penjarakan sosial dan juga pemakaian topeng muka di kawasan tertutup. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada penganjuran program-program fakulti seperti kempen kesedaran dan pendidikan SDG-17 dan juga Rasuah Buster yang mengetengahkan kempen periklanan dengan kerjasama akhbar Sinar Harian. Justeru, pengurusan sumber manusia yang mapan telah dipastikan oleh penasihat program yang meliputi pensyarah kursus bagi program-program ini.

Kempen SDG-17 yang secara idealnya boleh digerakkan secara fizikal dan melibatkan interaksi bersemuka di antara kumpulan sasaran dan penganjur telah disemak semula oleh penasihat program dan jawatankuasa dari kalangan pelajar. Pembuatan keputusan dan perancangan program yang melibatkan orang ramai perlu dielakkan di mana jawatankuasa telah memutuskan untuk melaksanakan Kempen SDG-17 secara atas talian menerusi penggunaan Podcast. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam penerbitan kempen atas talian ini tidak perlu untuk bersemuka kerana perbincangan, mesyuarat, dan proses rakaman dilakukan secara berasingan. Koordinasi program pula dibuat menerusi perjumpaan atas talian dengan menggunakan Google Meet, Zoom, ataupun Microsoft Team.

Projek Rasuah Buster yang dikelolakan oleh pelajar dan pensyarah bidang periklanan pula, kaedah yang sama juga diguna pakai apabila berurusan dengan pihak luar, iaitu akhbar Sinar Harian. Mesyuarat dan perbincangan sama ada sebelum atau semasa program dijalankan, telah dilaksanakan secara atas talian. Edaran bahan promosi, dokumen, dan data berkaitan Rasuah Buster dibuat menerusi emel rasmi atau aplikasi WhatsApp. Promosi atas talian dengan menggunakan media sosial seperti Instagram, Facebook, dan Twitter juga giat dijalankan bagi mengurangkan risiko jangkitan. Seterusnya, ceramah dengan pakar rasuah juga dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Webex, YouTube dan Facebook Live. Akhbar Sinar Harian turut membantu dari segi promosi dan visibiliti yang telah meningkatkan kehadiran penonton secara atas talian.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Program-program dan projek-projek yang dianjurkan oleh Fakulti Komunikasi & Pengajian Media merupakan suatu keperluan bukan sahaja untuk ketampakan fakulti tetapi yang lebih penting dalam melahirkan individu profesional yang mampu menjalankan aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan. DOT.PSA merupakan satu contoh terbaik dalam perancangan sumber manusia yang memberi fokus kepada keperluan penambahbaikan semasa program dijalankan. Ini dilihat daripada kualiti dan hasil kerja yang ditambah baik dari minggu pertama ke minggu terakhir projek dijalankan.

Reka bentuk dan susun atur paparan pada media sosial DOT.PSA terbukti berkesan apabila secara kronologinya, komen dan maklumbalas pensyarah serta orang ramai diambil kira pada paparan berikutnya. Selain daripada penambahbaikan, DOT.PSA juga memastikan penggunaan sumber manusia yang lestari di mana program ini dilihat dapat diteruskan secara tahunan. Justeru, sebagai langkah proaktif, pensyarah / penasihat projek ini membuat dokumentasi dan rekod yang lengkap berkaitan deskriptif tugas setiap ahli jawatankuasa agar DOT.PSA versi kedua dapat memanfaatkan maklumat tersebut.

Di sini, aktiviti kajian semula menerusi penelitian rekod lama (post mortem) sangat berguna dan menjadi titik permulaan kepada pembaharuan dan inovasi DOT.PSA. Sesungguhnya alumni akan memainkan peranan penting apabila DOT.PSA ini dijalankan pada tahun berikutnya. Pihak fakulti dapat menggunakan khidmat alumni yang telah melaksanakan projek DOT.PSA pada sesi sebelumnya dan menjadikan mereka sebagai pakar rujuk serta penasihat bagi DOT.PSA versi baru.

Tambahan lagi, pihak fakulti juga telah menyediakan fasiliti yang lengkap bagi memastikan kelancaran DOT.PSA di mana capaian internet dan WIFI boleh digunakan di kawasan universiti dan fakulti. Selain daripada, makmal-makmal komputer yang dilengkapi dengan perisian-perisian seperti Adobe Illustrator, InDesign, dan After Effect boleh digunakan oleh pelajar dalam membangunkan poster digital dan juga animasi untuk kempen DOT.PSA.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_S01_SB04_SC03_20221_5.2 PENDEKATAN - THE AWARDS UITM 2021 - Results.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi kempen digital Selamatkan Hari Malaya atau RAWRIMBA, integrasi digital yang ditekankan sepanjang projek dijalankan telah berjaya mewujudkan komuniti digital serta memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar serta pensyarah untuk terus membantu inisiatif kerajaan bagi menyelamatkan Harimau Malaya yang hampir pupus. Integrasi digital pula telah secara langsung memberi pendedahan kepada Jabatan Perhilitan Malaysia terutamanya tentang kepentingan ketampakan atas talian. Ini sangat penting bagi inisiatif kerajaan menerusi Jabatan Perhilitan Malaysia dalam mendidik rakyat Malaysia serta berganding bahu menyelamatkan spesies Harimau Malaya menerusi derma, sumbangan tenaga dan kesukarelawan.

Sulam Adiwira 2.0 juga berjaya menerapkan nilai integriti yang tinggi dalam kalangan penonton serta warga kerjanya. Segala bahan dan maklumat yang diperolehi menerusi program Adiwira 2.0 ini juga telah berjaya diintegrasikan menerusi gerak kerja dan komunikasi strategik dalam kalangan ahli jawatankuasa serta pemegang taruh yang terlibat. Integrasi sosial yang mantap dalam program ini telah dapat merapatkan jurang sosial di mana kempen kesopanan dan kesusilaan siri kedua yang berfokuskan kepada isu berita palsu memberi nilai tambah kepada komuniti serta memenuhi aspirasi masyarakat.

Jika dilihat dari sudut melahirkan generasi yang sedar akan kepentingan SDG-17 kepada planet ini, maka siri Podcast SDG-17 yang dilaksanakan oleh fakulti telah berupaya meningkatkan lagi keterlibatan mahasiswa serta memperkasakan mereka dalam memberi pandangan sebagai generasi baharu. Konsep ini dilihat menarik kerana suara generasi baharu dan persepsi mereka tentang SDG-17 dapat didengari oleh pelbagai pihak yang mendengar siaran digital Podcast ini. Lantas, ia selari dengan hasrat UiTM dan fakulti yang mahukan penglibatan inklusif mahasiswa yang membawa kepada perubahan dalam masyarakat. Tambahan lagi, siaran Podcast SDG-17 ini juga mengasah bakat komunikasi pelajar-pelajar yang terlibat yang memerlukan kemahiran orator dari sudut pengucapan awam serta audiens bersasar.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Rentetan dari pandemik COVID-19 yang melanda dunia, FKPM tidak terkecuali daripada menerima impak dan kesan akan ketidaktentuan ini. Justeru, Fakulti telah merancang satu plan di mana matlamat "Sifar Keciciran" mula terbentuk. Dari segi akademik, pelaksanaannya adalah melalui merombak kembali kurikulum dan mengimbangi peratusan pemarkahan serta penilaian berterusan subjek-subjek bidang jurusan. Pengurusan pula adalah dengan melalui sistem penggiliran yang adil serta tolak ansur.

Terdapat beberapa projek dan program yang telah dilaksanakan warga Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Projek dan program yang telah dijalankan ini adalah projek dan program yang berimpak tinggi mengikut kepada ketetapan perancangan strategik seperti yang telah digariskan. Berikut adalah keterangan ringkas berkenaan dengan tumpuan operasi projek dan program secara keseluruhan.

Senarai projek/program yang terkini;

1. Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan
2. Sulam Adiwira Siber 3.0
3. Kempen Bidong Island
4. Podcast on Sustainable Development Goals (SDG)
5. Rasuah Buster - kempen periklanan dengan kerjasama Sinar Harian
6. PSA on Domestic Violence

Pendekatan

Setiap projek dan program dalam bidang tumpuan ini dirangka berpandukan kepada teras Pengurusan Operasi (Operation Management (OM)). Penumpuan kepada PO ini dijalankan melalui dua model utama :

1. Prosedur Pengendalian Piawai FKPM/ Standards Operating Procedures FKPM
2. Proses Pelaksanaan Projek

Perluasan

Untuk komponen perluasan, penumpuan kepada PO ini dilaksana dengan mengaplikasi 3 model utama:

1. Didik Hibur (Edutainment)
2. Kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Act)

Pembelajaran

Melalui PO ini pihak pengurusan tertinggi FKPM sentiasa bersifat terbuka dalam proses penambahbaikan hasil bidang tumpuan dengan melihat kepada data yang diperolehi daripada 3 item pengukuran operasi:

- Jangkaan
- Input
- Output

Integrasi

Hasil PO ini berjaya merealisasikan enam projek berkualiti dan berimpak tinggi yang seiring dengan halatuju di tiga peringkat yang merangkumi global, kementerian dan universiti. Hasil yang memberangsangkan ini telah berjaya menghasilkan beberapa pencapaian yang merangkumi

1. Penghasilan Penyelidikan
2. Penghasilan Penerbitan
3. Visibiliti Media
4. Amalan Terbaik
5. Inovasi

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Operasi / Operation Management (OM)

Setiap projek dan program dalam bidang tumpuan ini juga dirangka berpandukan Pengurusan Operasi / Operation Management (OM) yang merangkumi 2 pendekatan iaitu:

Pendekatan 1 - Prosedur Pengendalian Piawai FKPM / Standard Operating Procedures

Pihak pengurusan Tertinggi FKPM menggunakan pendekatan prosedur pengendalian piawai atau dikenali sebagai standard operating procedures (SOP) yang merupakan satu carta alir yang berkaitan dengan garis panduan yang akan dilakukan mengikut turutan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan bagi mendapatkan hasil kerja yang berkesan dan telus. Hal ini kerana, SOP harus dimiliki oleh suatu perusahaan atau organisasi sebagai panduan untuk menjalankan tugas dan fungsi setiap bahagian yang ada. Kewujudan SOP ini dapat memudahkan dan menyelaraskan pekerjaan yang akan dijalankan oleh staf. Justeru itu, dengan adanya SOP ini diharapkan mampu menjadikan arus kerja yang lebih baik bagi mewujudkan suasana kerja yang sistematik dan teratur.

Pendekatan 2 - Proses Pelaksanaan Projek

Kepimpinan Tertinggi FKPM amat menitikberatkan pihak-pihak yang terlibat dalam sistem dan proses kerja mereka. Sistem kerja yang komprehensif dan sistematik dibentuk agar hasil yang optimum dapat dikecapi. Selain itu, proses ini juga telah menambah baik penggunaan teknologi dan prasarana terkini yang selari dengan kehendak semasa pelanggan. Malahan, FKPM juga menggalakkan kakitangan agar sentiasa kreatif dan inovatif dalam melaksanakan kerja yang telah ditugaskan oleh pihak FKPM. Seterusnya, sistem pelaksanaan tugas dan penambahbaikan sistem serta proses dilaksanakan mengikut kemampuan dari segi tenaga kerja, kos dan masa. Setiap kertas kerja dan tugas mestilah mengikut format yang betul, terperinci dan mengandungi pengenalan projek, objektif, cadangan aktiviti serta anggaran kewangan. Selain itu, lawatan ke industri akan dijalankan dan dilaksanakan untuk memeriksa masalah sebenar. Dalam masa yang sama, pemantauan juga akan dilakukan. Keputusan pemantauan tersebut seterusnya akan digunakan untuk semakan pengurusan dalam penghasilan inovasi seterusnya secara tidak langsung akan memperbaiki prestasi yang sedia ada. Setelah mengenal pasti risiko, aktiviti pencegahan akan dilaksanakan dan sebarang bentuk penambahbaikan prestasi dilaksanakan mengikut keperluan serta diakhiri dengan penghasilan inovasi. Jika permasalahan baru dikenal pasti melalui penulisan laporan akhir, proses kerja untuk projek baru akan dimulakan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_O01_OB02_20221_BORANG PENGESAHAN PENERIMAAN HADIAH SUMBANGAN TAJAAN PROGRAM.docx.pdf](#)
2. [F0029_O01_OB02_20222_CE IMPACT FORM.docx.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model Tumpuan Kepada Pengurusan Operasi

Penumpuan kepada PO ini dijalankan melalui 3 model utama :

Model 1 – Didik Hibur

Didik hibur dilaksanakan secara penyerapan dalam pengajaran sesuatu subjek dengan berfokuskan kepada aktiviti mengguna dan memahami penyerapan sesuatu keadaan. Sebagai contoh Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan. Kempen ini adalah penting untuk memberikan ilmu pengetahuan baharu kepada penonton tentang nilai-nilai murni serta secara tidak langsung menjelaskan sebab dan musabab betapa perlunya untuk menyelamatkan Harimau Malaya. Namun kempen ini tidak dijalankan seperti kebiasaan, bahkan penerapan didik hibur diketengahkan. Melalui model ini, penyerapan proses akan berlaku walaupun kempen ini dilaksanakan secara berhibur. Penyerapan proses ialah proses menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai, murni, dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga unsur penyerapan sedia ada dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu:

- i) Pelbagai bidang ilmu serta tema,
- ii) Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia,
- iii) Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, dan kemahiran bernilai tambah.

Didik hibur termasuk dalam penyerapan jenis pertama iaitu penyerapan pelbagai bidang ilmu serta tema. Secara keseluruhan, dalam modul ini, setiap projek seperti Kempen Bidong Island dan Podcast on Sustainable Development Goals (SDG) umpamanya telah melalui proses penyerapan ilmu melalui pelbagai aktiviti secara santai dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui kaedah ini, kelestarian ilmu dapat dijana dengan baik serta akan memberikan kesan positif secara berpanjangan.

Model 2- Kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Act)

Keseluruhan projek dan program seperti Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan, Sulam Adiwira Siber 3.0, Kempen Bidong Island, Podcast on Sustainable Development Goals (SDG), Rasuah Buster - kempen periklanan dengan kerjasama Sinar Harian dan PSA on Domestic Violence sememangnya menggunakan model PDCA ini. Untuk memastikan kebolehpasaran dan kebolehpercayaan sesebuah projek atau program, model PDCA (Plan, Do, Check, Act) merupakan satu model yang diterapkan dalam mengendalikan projek atau program. Model ini seringkali digunakan kerana ini ia boleh menjelaskan 4 fasa penting dalam melaksanakan projek atau kempen. 4 fasa itu iaitu Plan, Do, Check, Act yang perlu dilakukan secara sistematik demi memastikan peningkatan berterusan dapat dicapai sepenuhnya.

Untuk melaksanakan setiap projek atau program, kitaran PDCA ini diadaptasi untuk dijadikan sebagai pandu arah kepada warga FKPM yang menjalankan sesuatu projek dan program akan jalan atau proses untuk meningkatkan kualiti sesuatu program. Sebagai contoh untuk memudahkan menyelesaikan masalah, mengurangkan kecacatan produk, kecekapan dapat ditingkatkan & mengurangkan risiko.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB03_20221_didik hibur SMART SYSTEM FORM.xlsx - SMART FORM.pdf](#)
2. [F0029_O01_OB03_20222_didik hbur_2 and ACTSMART SYSTEM FORM.xlsx - SMART FORM.pdf](#)
3. [F0029_O01_OB03_20223_ADIwiraSMART SYSTEM UPDATE.xlsx - SMK CONVENT.pdf](#)
4. [F0029_O01_OB03_20224 SMART SYSTEM DATA.xlsx - SMART FORM.pdf](#)
5. [F0029_O01_OB03_20225 SMART SYSTEM FORM.xlsx - SMART FORM.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Mengikuti garis panduan PO adalah amat penting kerana ianya membolehkan pihak-pihak yang terlibat untuk;

- mengetahui bagaimana produk atau input dihasilkan
- mengetahui fungsi pengurus operasi semasa melakukan tugas
- mengetahui cara pengeluaran input kepada output untuk di keluarkan.
- mengetahui objektif yang ingin di capai oleh pengurus operasi

Hasilnya mengikuti garis panduan PO dapat dipecahkan kepada beberapa perkara;

1. Kepuasan pelanggan

Memenuhi kehendak pelanggan dalam menghasilkan sesebuah program amat perlu dititikberatkan. Cita rasa pelanggan berbeza-beza. Kebanyakan pelanggan inginkan kelainan dalam sesuatu program yang cuba dijalankan. Contohnya seperti program Sulam Adiwira Siber 3.0. Program ini adalah program libat sama dengan Universiti Indonesia. Sekalipun pengendali adalah dari FKPM, namun untuk mendapatkan sinergi dan kerjasama yang baik, pihak FKPM harus memastikan ianya seiring dengan matlamat pihak kedua dan boleh memberikan impak yang positif kepada penonton sasaran.

2. Trend teknologi

Sejak seluruh dunia dilanda wabak COVID-19, trend teknologi masa kini sangat berleluasa di negara kita. Dalam kita ingin melestarikan ilmu pengetahuan, warga FKPM mesti melihat trend terkini untuk menarik minat penonton atau pendengar terhadap projek atau program baharu yang ingin diterbitkan. Contohnya seperti program Podcast on Sustainable Development Goals (SDG), kempen Rasuah Buster - kempen periklanan dengan kerjasama Sinar Harian dan PSA on Domestic Violence telah mengangkat sosial media seperti Facebook, Instagram, website, dan sebagainya sebagai medium untuk mencapai sasaran kerana mengikuti trend remaja masa kini.

SENARAI BUKTI:

1. [F0029_O01_OB04_OC01_20221_HEP - ANALISIS IMPAK OPERASI DAN PERANCANGAN KESINAMBUNGAN OPERASI HEP \(1\).pdf](#)

- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Proses pengurusan risiko merupakan proses yang perlu dipraktik oleh semua peringkat pengurusan dan sokongan. Ia perlu di semai dan dijadikan sebagai budaya oleh semua peringkat dalam pengurusan fakulti. Dalam usaha untuk memastikan pengurusan risiko fakulti yang mantap, risiko-risiko perlulah dikenalpasti supaya tindakan kawalan yang berkesan dapat diambil.

Di peringkat fakulti, mekanisme Pengurusan Risiko dilakukan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang terdiri daripada ahli pengurusan tertinggi fakulti. Peranan utama Jawatankuasa ini ialah untuk membantu fakulti dalam menyelia operasi Pengurusan Risiko, mengenal pasti ketepatan perancangan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan risiko atau penambahbaikan yang diambil.

Langkah Penilaian Risiko:

1. Kenalpasti aktivi utama boleh terdedah pada risiko
2. Kenalpasti masalah yang boleh berlaku
3. Nilai akibat/ kesan negatif
4. Kenalpasti aktiviti utama yang perlu dikawal selia dengan rapi
5. Nilai samada peraturan yang digunapakai sekarang mencukupi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB04_OC02_20221_HEP - ANALISIS IMPAK OPERASI DAN PERANCANGAN KESINAMBUNGAN OPERASI HEP \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Usaha-usaha yang diambil oleh FKPM bagi mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi sistem operasi/kawalseliana serta mengurangkan atau meminimumkan kesan risiko.

Pengurusan risiko melibatkan proses:

- i. Merangka dan mendokumenkan satu pelan tindakan bagaimana hendak menangani risiko tersebut.
- ii. Menentukan pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksana dan memantau Pelan Pengurusan Risiko (PPR) berkenaan

Porses peringkat penilaian dan pengurusan risiko adalah

1. kenalpasti aktiviti utama program
2. kenalpasti aktiviti utama yang boleh terdedah kepada risiko
3. membuat penilaian risiko keatas setiap aktiviti utama yang perlu dikawal selia
4. membuat analisis jurang perbezaan
5. merangka dan mendokumenkan pelan pengurusan risiko
6. melaksana dan memantau pelaksanaan pelan pengurusan risiko
7. penambahbaik secara berterusan

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB04_OC03_20221_1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil Tumpuan Kepada Operasi

Hasil PO ini berjaya merealisasikan enam projek berkualiti dan berimpak tinggi yang seiring dengan hala tuju FKPM, Universiti, Kementerian dan Global di bawah Sustainability Development Goals. Hasil yang dapat dilihat merangkumi, inovasi, penyelidikan, penerbitan, anugerah khas, visibiliti media dan amalan terbaik.

a) Kempen Digital Selamatkan Harimau Malaya Kerjasama UiTM dengan Jabatan Perhilitan
Kata Kunci Hasil Perancangan

- Inovasi = Digital Dashboard, Filter, Short Animation, Digital Sticker
- Visibiliti Media = QS-Gen write up, Perhilitan repost on its official Instagram

b) Sulam Adiwira Siber 3.0

Kata Kunci Hasil Perancangan

- Inovasi = Penghasilan video kesedaran dan animasi pembelajaran interactive
- Visibiliti Media = Malangnya tak adaaaaa

c) Kempen Bidong Island

Kata Kunci Hasil Perancangan

- Inovasi = 360 degree video & video dikomentari
- Visibiliti Media = Astro Awani

f) PSA on Domestic Violence

Kata Kunci Hasil Perancangan

- Inovasi = IG Filter, Video PSA in Social Media Marketing
- Visibiliti Media = Viral Marketing - Insta famous repost and became spoke person

SENARAI BUKTI :

1. [F0029_O01_OB05_20221_Dot. PSA_Instagram photos and videos.pdf](#)
2. [F0029_O01_OB05_20222_a.pdf](#)
3. [F0029_O01_OB05_20223_1.pdf](#)
4. [F0029_O01_OB05_20224_xyz.pdf](#)
5. [F0029_O01_OB05_20225_abc.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Jaringan #alumni

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil Utama yang dipilih adalah Hasil Dari Pelaksanaan Strategi yang terbahagi kepada 3 tema utama iaitu **#alumni** , **#komuniti** dan **#kesukarelawan**. Penerangan ringkas di Hasil 1 ini akan menerangkan tema pertama iaitu **#alumni**.

Keterlibatan alumni dalam menyokong dan memberi sumbangan secara sukarela kepada sesebuah universiti adalah penting bagi mengekalkan dan memperkembangkan pembangunan sesebuah universiti. Dengan mewujudkan saluran yang mempermudah hubungan yang erat di antara alumni dengan pelajar dan universiti, ia dapat memberi faedah yang amat bermakna dalam memperkayakan pengalaman pelajar semasa berada di universiti tersebut. Setiap alumni melalui pengalaman daripada pelajar kepada graduan yang unik dan berbeza, justeru itu terdapat potensi untuk setiap alumni menyumbang kepada universiti dalam cara dan skala yang pelbagai.

Melalui hasil pelaksanaan strategi ini terhasilnya beberapa projek yang menjurus kepada jaringan #alumni yang mampu memberi impak tinggi kepada pelajar, warga FKPM, fakulti serta universiti. Antara program-program yang dijalankan adalah seperti; alumni sebagai pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar-pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama dengan fakulti, tetamu sesi bual bicara, penceramah dan lain-lain lagi.

Antara manfaat yang dapat kita perolehi melalui Jaringan #alumni adalah seperti:

Teladan dan inspirasi

Alumni adalah contoh teladan yang berkesan dan mudah diterima oleh pelajar. Dengan kembalinya alumni ke fakulti, mereka membawa bersama kredibiliti dan justifikasi sebagai sebahagian daripada universiti yang berjaya setelah bernafas dalam udara yang sama dan melalui cabaran yang serupa dilalui oleh pelajar-pelajarnya.

Mentor kerjaya

Alumni telah menjadi panel rujukan kepada fakulti berkenaan bagi menyediakan keperluan pelajar dan graduan untuk menempatkan diri di bidang kerjaya tertentu. Kurikulum pengajian di fakulti boleh ditambah baik supaya lebih mantap agar dapat memenuhi aspirasi kerjaya yang berkaitan.

Menyumbang kepakaran

Selain itu alumni boleh menyumbang kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan dengan profesion mereka bagi membangunkan program-program pengajian baharu di fakulti. Kehadiran alumni sebagai pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat, pakar-pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama dengan universiti menyambung 'perjuangan'

mereka untuk menjayakan pembangunan negara.

Dalam bidang penyelidikan industri, alumni boleh membuka pintu bagi universiti untuk masuk kepada rangkaian industri mereka sama ada di dalam negara mahupun di luar negara dalam aspek jalinan kerjasama dan perkongsian pintar. Ini memberi peluang kepada universiti untuk memakmurkan bidang industri tertentu melalui aplikasi teori yang telah dianalisa dan diuji bersama-sama dengan pakar-pakar industri yang lain.

Akses peluang pembangunan profesional

Apabila komuniti alumni berjaya dan mendapat pengiktirafan di kalangan korporat, industri dan masyarakat, ia berupaya mewujudkan jaringan yang lebih kukuh serta kepercayaan terhadap universiti dan seterusnya turut membantu alumni yang lebih muda mengakses peluang untuk membangunkan kerja dan profesionalisme mereka.

Merangsang pengumpulan dana amanah

Persatuan alumni yang aktif dan berdaftar boleh merangsang pengumpulan dana amanah yang bertujuan untuk menubuhkan biasiswa, menyokong aktiviti pelajar, program kebudayaan dan ekspedisi persatuan dan kelab universiti, membantu penyediaan prasarana untuk pelajar daripada golongan kurang upaya dan menyokong penambahbaikan yang inovatif di universiti.

Menyokong reputasi universiti

Pandangan dan kenyataan positif yang diberikan alumni berkaitan dengan universiti yang disalurkan sama ada melalui media atau forum tertentu adalah merupakan sokongan kepada reputasi universiti tersebut. Ianya berupaya mempengaruhi masyarakat kerana persepsi umum yang percaya kepada orang yang lebih berpengalaman.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0029_HB02_20221_Tahap Hasil alumni.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0029_HB03_20222_7.1.3 TREN \(Trend\).pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0029_HB04_20223_Hasil Utama memberi impak kepada PTJUiTMNegara.-2.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0029_HB05_20224_Hasil Utama memberi impak kepada PTJUiTMNegara..pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

#kesukarelawan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil Utama yang dipilih adalah Hasil Dari Pelaksanaan Strategi yang terbahagi kepada 3 tema utama iaitu #alumni , #komuniti dan #kesukarelawan. Penerangan ringkas di Hasil 3 ini akan menerangkan tema pertama iaitu #kesukarelawan.

Dalam melaksanakan program-program yang memberi keutamaan kepada pencapaian dan impak Sustainable Development Goals (SDG -17). Penekanan khusus di mana kerjasama strategik akademia – industri – komuniti menerusi program-program yang dianjurkan amatlah disarankan.

Kempen digital Selamatkan Harimau Malaya (RAWRIMBA) yang amat menekankan komunikasi strategik menyumbang kepada kelancaran perjalanan kempen digital seperti RAWRIMBA, Dot.PSA serta MCCare yang dijalankan secara fizikal juga menjadi tumpuan serta mendapat perhatian warga FKPM. Kerjasama juga diberikan oleh pelajar, pensyarah kursus, pengurusan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, dan seterusnya pengurusan tertinggi UiTM iaitu pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Kaedah perancangan Pelan Strategik yang efektif adalah selari dengan kepentingan dan tujuan program-program yang telah dilaksanakan. Ini secara jelas dapat dilihat menerusi kaedah pelaksanaan perancangan strategik yang jelas dan efisien.

Projek di bawah #kesukarelawan ini amat menitikberatkan kebajikan serta kepentingan masyarakat dan alam semesta. Terutama selepas negara melanda pandemik yang banyak membawa perubahan kepada ecosystem serta budaya hidup manusia.

Projek-projek yang telah dijalankan rata-rata memberi impak yang tinggi terhadap fakulti, masyarakat, universiti serta negara. Sebagai Contoh Dot.PSA yang memerlukan data kajian mengenai keganasan rumah tangga yang berlaku di dalam masyarakat tanpa kita ketahui. Kajian mendapati, purata suami atau lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga juga agak tinggi. Namun masyarakat tidak memandangnya serius, mungkin kerana lelaki lebih cenderung kepada kekuatan berbanding wanita yang sentiasa dianggap lemah. Kajian yang diperolehi ini dijadikan sebagai suatu usaha dalam menjalankan sebuah kempen digital Public Service Announcement bagi membantu masyarakat untuk menyuarakan masalah mereka mengenai keganasan rumahtangga ini.

Kempen RAWRIMBA pula adalah sebuah initiative fakulti dalam menyelamatkan haiwan ikon Malaysia yang semakin pupus. Iniatif kesukarelawan ini juga dilakukan dalam menyahut seruan Negara serta perdana menteri yang menitik beratkan mempergiat usaha memulihara kewujudan spesis terancam ini.

Projek MASSCOMM Care yang menjadi projek tetap di bawah FKPM telah menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan dan kesukarelawan yang berterusan sepanjang tahun. MASSCOMM Care ini merangkumi penglibatan pelajar, pensyarah, staff serta alumni FKPM. Kegiatan kesukarelawan ini menjadi tren di fakulti dengan terhasilnya bilangan projek #kesukarelawan yang tinggi.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0029_HB02_20221_HASIL_UTAMA_2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0029_HB03_20222_7.2.3_TREN_HARVARD.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0029_HB04_20223_7.2.4_RealiTEAPodcast_EpisodeRankings_all-time.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0029_HB05_20224_HASIL_UTAMA_2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

RealiTEA Podcast merupakan rakaman siniar yang semakin mendapat tempat para pengguna media sosial, terutamanya di kalangan anak muda. Penerbitan siniar ini adalah hasil pelajar jurusan Perhubungan Awam dari Pusat Komunikasi Strategik dimana para pelajar menggunakan ruang ini untuk berkongsi kebimbangan dan keprihatinan sosial di Malaysia dan global.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil Utama yang dipilih adalah Hasil Dari Pelaksanaan Strategi yang terbahagi kepada 3 tema utama iaitu **#alumni** , **#komuniti** dan **#kesukarelawan**. Penerangan ringkas di Hasil 2 ini akan menerangkan tema kedua iaitu **#komuniti**.

Berpandukan pada garisan matlamat yang telah diuar-uarkan dari 17SDG, antara objektif yang ingin dicapai adalah untuk memberi kesedaran sosial kepada pendengar dan sepatutnya tidak terhenti disitu, mereka seharusnya sedar akan sumbangan mereka dari segi keringat dan akal, sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah sosial dan polisi yang melanda di Malaysia hendaknya.

Ilmu pengetahuan, baik dari segi teori, teknikal dan praktikal merupakan aspek penting yang dapat merapatkan jurang perbezaan antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera dari segi komuniti, sosiobudaya dan ekonomi. MASSCOMM ingin dilihat bukan sahaja sebagai sebuah institusi pengajian sebaran am, tetapi juga sebagai pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan yang dapat merapatkan jurang perbezaan antara kaum di negara ini. Antara prospek terbaik MASSCOMM adalah dengan mengadakan sesi perkongsian secara bersemuka atau secara maya. Objektifnya adalah untuk mengurangkan perbezaan luar bandar dan bandar dalam komuniti setempat, tidak ada cara lain menangani melainkan menerusi penguasaan ilmu pengetahuan, dengan kepenggunaan media sosial yang sedia ada khususnya. Ini telah tercapai melalui perkongsian ilmu melalui siniar, anjuran RealiTEA Podcast. Ini adalah selari dengan kehendak United Nations 17 Sustainable Goals (17SDG) yang menggariskan cara untuk merapatkan jurang “have and have nots”, lebih-lebih lagi tentang memperkasakan ilmu pengetahuan.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0029_HB02_20221_KESUKARELAWAN.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0029_HB03_20222_TREN HASIL 3_KESUKARELAWAN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0029_HB04_20223_TREN HASIL 3_KESUKARELAWAN-2.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0029_HB05_20224_kesukarelawan Impak hassle.pdf](#)